

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :
 "Daripada Abdullah Radiallahuanhu, dari Nabi Sallallahu Alaihi
 Wasallam Baginda bersabda : Mendengar dan taat kepada ketua adalah
 menjadi kewajiban ke atas orang Islam sama ada yang disukainya
 dan yang tidak disukainya selagi ia tidak diperintahkan untuk
 membuat sesuatu maksiat, maka jika ia diperintahkan untuk membuat
 sesuatu maksiat, tiadalah boleh mendengar dan taat".
 (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.13 | DUHA 6.37 | ZUHUR 12.26 | ASAR 3.51 | MAGHRIB 6.37 | ISYAK 7.52
 Daerah Belait ditambah 3 minit
 Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 79 | 4 JULAI 2026 / 1448 محرم 18 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

BERANGKAT MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH BSP KE-419, BSM KE-197

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-419 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-197 bagi Suku Kedua bagi Tahun 2026.

Mesyuarat tersebut berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-419 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-197 bagi Suku Kedua bagi Tahun 2026. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
 Pelita Brunei | www.pelita-brunei.gov.bn

Berita Utama



RAPTAI penuh pastikan kelancaran majlis

Muka 6



PENGIBARAN Bendera Besar NBD semarakkan Sambutan Hari Keputeraan

Muka 7

Kebawah DYMM berkenan hantar titah perutusan tahniah



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump bersempena dengan Hari Kemerdekaan negara tersebut.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump.



MEMACU inovasi melalui penerapan teknologi baharu, pembangunan penyelesaian

Muka 8



INFO Teknologi

MEMILIH sistem pengendalian yang bersesuaian dengan cita rasa pengguna

Muka 27



BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama Han Seong-sook berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Republik Korea Selatan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama Han Seong-sook.

Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara, 4 Julai ini

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Julai. - Bagi menyemarakkan semangat Ilal Hijrah iaitu memupuk semangat menuju kepada penghijrahan (perubahan ke arah kebaikan dan kemajuan) selari dengan peristiwa hijrah Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam dalam membentuk tamadun yang berjaya, Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara akan diadakan pada hari Sabtu, 4 Julai 2026 Masihi bersamaan 18 Muharam 1448 Hijrah, pada pukul 9.00 pagi bertempat di Dewan

Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Antara pengisian utama acara adalah Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran dan Tadabbur, Persembahan Khas dan Pemakluman Anugerah Ilal Hijrah 1448.

Tema bagi Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara

ialah 'Hijrah Penyelamat Aqidah'.

Majlis dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Kewangan; Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; dan Bank Baiduri Sendirian Berhad.

Orang ramai juga boleh menyaksikan siaran langsung

majlis ini melalui RTB Perdana; RTB Sukmaindera; RTBGo di <https://www.rtbgo.bn/live/GOLIVE>; dan juga rangkaian radio iaitu Nasional FM; Nur Islam; dan Pilihan FM.

Semoga kita semua mendapat keberkatan dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4	SABTU	18	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
5	AHAD	19	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
6	ISNIN	20	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
7	SELASA	21	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37	7.52
8	RABU	22	4.39	4.49	6.14	6.38	12.26	3.52	6.37	7.52
9	KHAMIS	23	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
10	JUMAAT	24	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar			
33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Kuala Belait			
33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG Berganding bahu membanteras sindiket pengedaran dadah

4 JULAI 2026

PENYALAHGUNAAN dadah merupakan ancaman kepada negara dan masyarakat di seluruh dunia. Setiap individu hendaklah sentiasa memelihara diri dan menjauhi daripada terlibat aktiviti penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram kerana perbuatan tersebut bukan sahaja dilarang oleh syarak dan undang-undang negara, malahan boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk kepada diri sendiri dan juga orang terdekat.

Akibat dan kemudaratannya yang disebabkan oleh penyalahgunaan dadah memberi kesan serius kepada si penagih yang bukan sahaja melanggar larangan Allah Subhanahu Wata'ala, malah bahan tersebut akan menjadikannya khayal, merosakkan organ tubuhnya, melemahkan akalanya dan menyebabkan ketagihan yang sukar dihentikan. Lebih buruk lagi, penagih dadah akan melakukan kekerasan, merosakkan harta benda dan menyebabkan kecederaan sehingga menghancurkan institusi rumah tangga, memporak-perandakan keharmonian keluarga serta menjejaskan kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Selain itu, gejala ini juga mampu menyebabkan pelbagai masalah sosial seperti meningkatkan kadar jenayah dan mengancam keselamatan serta kestabilan negara. Oleh itu, sekiranya penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram tidak dibendung dan ditangani dengan segera serta berkesan, perkara tersebut dikhuatiri akan membawa kepada keruntuhan akhlak, kehancuran umat dan menjejaskan kemakmuran negara pada masa hadapan.

Negara Brunei Darussalam juga tidak terlepas daripada ancaman penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram yang didalangi sindiket dadah. Pelbagai usaha pencegahan dan penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa, statistik yang dikeluarkan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) menunjukkan bahawa kes-kes berkaitan dadah masih berlaku dan memerlukan perhatian serius daripada semua pihak.

Masyarakat hendaklah sentiasa berganding bahu dan bekerjasama dengan pihak BKN dalam usaha mencegah serta membanteras kegiatan sindiket pengedaran dadah haram di negara ini. Hal ini kerana kegiatan sindiket dadah dijalankan secara terancang dan tersusun, malah sering melibatkan ahli keluarga serta kenalan rapat kepada dalang utama yang bersubahat atau dijadikan orang suruhan. Lebih membimbangkan, golongan bawah umur juga turut diperalatkan untuk menjalankan aktiviti pengedaran dadah haram. Taktik ini digunakan bagi mengelirukan pihak berkuasa dan melindungi kegiatan sindiket daripada dikesan.

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengambil berat terhadap pergaulan, tingkah laku dan aktiviti anak-anak serta ahli keluarga agar mereka tidak mudah terpengaruh atau terjerumus dengan helah licik sindiket yang sering menggunakan janji manis seperti tawaran pekerjaan dengan gaji lumayan atau peluang melancong secara percuma ke luar negara bagi memerangkap mangsa. Justeru, sikap prihatin, budaya saling menasihati dan penerapan nilai-nilai murni dalam institusi keluarga amat penting dalam melahirkan masyarakat yang selamat, sejahtera dan bebas daripada ancaman dadah. — **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلّس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

**DOA dibacakan sebelum
bermulanya mesyuarat.**

PENYELARASAN STRATEGIK PERLU JELAS BERTERASKAN TADBIR URUS KUKUH



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri
Awang Haji Abas



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-230 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-116 bagi Suku Kedua Tahun 2026 (kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi ini berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei LNG Sendirian

Berhad (BLNG) Ke-230 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-116 bagi Suku Kedua Tahun 2026.

Mesyuarat tersebut berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri di JPM (Tenaga, Hulan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; dan Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat BLNG dan Syarikat

BGC.

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa.

Pada permulaan mesyuarat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Dalam titah, baginda mengiktiraf bahawa syarikat-syarikat terus mencapai prestasi selaras dengan perancangan.

Pada masa yang sama, baginda bertitah bahawa Suku Kedua menunjukkan persekitaran operasi yang mencabar dan kompleks.

Sehubungan itu, baginda bertitah menekankan kepentingan untuk melihat melangkaui prestasi luaran dan keseluruhan bagi memahami kedayatahan sebenar syarikat-syarikat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah juga menekankan bahawa keselamatan kekal sebagai keutamaan teras, di samping keperluan bagi kepimpinan yang jelas serta pelaksanaan yang berdisiplin di semua peringkat.

Baginda turut menekankan kepentingan memastikan pengajaran sentiasa dikongsi dan diterapkan secara konsisten merentas syarikat-syarikat bagi memperkukuhkan keselamatan serta prestasi

operasi.

Mesyuarat juga membincangkan perkara-perkara utama seperti prestasi operasi, kewangan, pembangunan tenaga manusia serta hala tuju strategik syarikat-syarikat dalam keseluruhan rantaian nilai tenaga.

Baginda turut bertitah menekankan kepentingan penyelarasan yang jelas dalam keutamaan strategik dan perancangan masa hadapan, disokong oleh tadbir urus yang kukuh bagi memastikan hasil yang mampan.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; Shell plc dan Mitsubishi Corporation serta ahli-ahli kepimpinan dari BLNG dan BGC.

Kebawah DYMM seterusnya akan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-Pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-419 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah-Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-197 bagi Suku Kedua Tahun 2026, esok, Khamis, 2 Julai 2026.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan mesyuarat berkenaan di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) (atas).



SEBAHAGIAN yang hadir pada mesyuarat tersebut (kanan dan kanan sekali).



DYTM BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS DOA KESYUKURAN HUT PUJA USIA



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik yang Ke-43 Tahun (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Julai. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hari ini mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang Ke-43 Tahun.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB berkenan berangkat ke majlis berkenaan yang berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di ibu negara, di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB.

Juga menjunjung keberangkatan tiba, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Sejurus keberangkatan, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti bacaan Doa Kesyukuran sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji

Awang Murat.

Doa Kesyukuran antara lain menyembahkan seluruh warga YSHHB merafakkan rasa syukur di atas nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengurniakan kebajikan kepada DYTM, Menteri di JPM dan Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

"*Allahumma* Ya Allah, sesungguhnya kami benar-benar memohon supaya tuhan kami mengurniakan nikmat yang sempurna lagi menyeluruh kepada DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah dan ahli kerabat DYTM khasnya nikmat Islam dan nikmat Iman, nikmat taufik hidayah, nikmat sihat afiat, nikmat lanjut usia, nikmat kekuatan, nikmat hati terang dan fikiran tenang, nikmat perlindungan dan pemeliharaan daripada dosa-dosa," bacaan doa Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa.

Pada majlis tersebut, DYTM berkenan memotong Kek Ulang Tahun Hari Puja Usia serta menerima pesambah daripada YSHHB berupa sebuah rehal eksklusif yang direka khas dengan gabungan motif seni Islamik, dihiasi dengan Logo YSHHB serta nama 'Abdul Malik dalam Seni Khat Thuluth yang dihasilkan oleh Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB.

Pesambah tersebut turut dilengkapi dengan sebuah Mushaf Al-Quran berserta terjemahan, Buku Yaa Siin dan penunjuk Al-Quran, sebagai lambang penghormatan terhadap Al-Quran serta penghargaan terhadap warisan seni dan kraf Islam.

Majlis seterusnya menyaksikan DYTM berkenan menyempurnakan pengurniaan sumbangan YSHHB yang berjumlah keseluruhan BND74,000.

Sumbangan pertama disampaikan kepada Tabung Amal Bantuan Pesakit (TABP), Kementerian Kesihatan, yang diterima oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Perancangan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff.

Sumbangan tersebut adalah berupa geran tahunan bermula tahun 2026 berjumlah BND50,000 yang bertujuan menyokong usaha TABP dalam membantu pesakit daripada golongan yang memerlukan untuk mendapatkan akses kepada penjagaan kesihatan dan bantuan kebajikan berkaitan, termasuk penyediaan peralatan perubatan, bahan guna habis perubatan, susu formula khas serta keperluan asas yang lain mengikut penilaian kes.

Bantuan itu turut melengkapi Skim Bantuan Perubatan YSHHB sebagai saluran tambahan bagi membantu

pesakit daripada golongan yang memerlukan, sekali gus memperkukuh usaha bersama dalam memastikan golongan yang memerlukan terus menerima bantuan kesihatan dan kebajikan yang sewajarnya.

Seterusnya, sumbangan YSHHB berjumlah BND24,000 dihulurkan kepada An-Nur Harapan, yang diterima oleh Pengurus Am, An-Nur Harapan, Dayang Melline binti Haji Jaini.

An-Nur Harapan merupakan sebuah organisasi yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, intervensi dan pembangunan kemahiran kepada kanak-kanak serta individu berkeperluan khas bagi membantu perkembangan pembelajaran, potensi diri dan kesejahteraan mereka.

Sumbangan tersebut adalah bagi menyokong pelaksanaan Program UNIKLEARN, yang diperkenalkan pada tahun 2018 bagi menyediakan program pembelajaran, pembangunan sendiri serta latihan kemahiran kepada golongan belia neurodivergen di negara ini sebagai persediaan ke arah peluang pekerjaan dan kehidupan yang lebih berdaya.

Inisiatif ini sejajar dengan komitmen YSHHB dalam memperkasakan pembangunan modal insan secara inklusif melalui sokongan kepada organisasi yang menyediakan perkhidmatan pendidikan dan kebajikan kepada golongan berkeperluan khas.

DYTM diputerakan pada 19 Ramadan 1403 Hijrah bersamaan 30 Jun 1983 Masihi dan dilantik sebagai Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB pada 1 Mac 2013. Sejak menerima YSHHB, DYTM sentiasa menunjukkan keprihatinan terhadap kemajuan institusi berkenaan dengan kerap mempengerusikan mesyuarat, meninjau serta mengikuti perkembangan pelbagai projek dan program yang dilaksanakan demi manfaat masyarakat.

Hadir sama pada majlis ini ialah Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim; para jemputan khas, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru Sekolah YSHHB.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyempurnakan pengurniaan sumbangan YSHHB.

RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Julai. - Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara akan diadakan pada Sabtu, 18 Muharam 1448 Hijrah bersamaan 4 Julai 2026 Masihi pada pukul 9.00 pagi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Antara pengisian utama majlis ialah Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran dan Tadabbur, Persembahan Khas dan

Pemakluman Penerima Anugerah Ilal Hijrah 1448. Sehubungan dengan itu, latihan penuh diadakan pagi tadi bagi memastikan segala persiapan dan pelaksanaan majlis berjalan dengan lancar dan teratur.

Hadir menyaksikan raptai penuh pada pagi tadi ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Pengerusi



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II serta Yang Berhormat Mufti Kerajaan menyaksikan raptai penuh Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara (atas), manakala gambar kiri, sekitar raptai berkenaan.

Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah.

Juga hadir sama, Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan

Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Majlis dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Baiduri Bank Sendirian Berhad.

Tema bagi majlis tahun ini ialah 'Hijrah Penyelamat Aqidah'.

Inisiatif Projek Teduh BIBD memperkasa sosioekonomi masyarakat tempatan



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyempurnakan penyerahan rumah berkenaan kepada penerima.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Julai. - Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) hari ini meneruskan lagi inisiatif Projek Teduh dengan penyerahan sebuah rumah yang baharu siap dibina di Kampung Serdang, Mukim Kota Batu, Daerah Brunei dan Muara.

Pencapaian tersebut mencerminkan kesinambungan usaha BIBD dalam menyalurkan sokongan yang bermanfaat kepada masyarakat dan memperkukuhkan komitmennya untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga - keluarga yang memerlukan melalui pembangunan sosial yang mampan.

Majlis penyerahan tersebut disempurnakan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri merangkap selaku Pengerusi BIBD Group, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Rumah berkenaan telah

diserahkan kepada penerima, Dayang Norfaezah binti Saidin.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah; Ahli-ahli Lembaga Pengarah BIBD dan Badan Penasihat Syariah BIBD, pihak pengurusan serta kakitangan BIBD, juga wakil-wakil daripada agensi-agensi kerajaan dan organisasi - organisasi sektor swasta.

Inisiatif terbaharu ini mencerminkan dedikasi BIBD yang berterusan dalam menyokong keutamaan negara menerusi inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang berimpak dan mampan.

Projek Teduh kekal sebagai platform utama bank berkenaan dalam menyumbang ke arah meningkatkan taraf kehidupan serta memperkukuh daya tahan sosioekonomi masyarakat tempatan.

Kerja-karya pembinaan semula

rumah tersebut telah selesai pada 29 Jun 2026 hasil kerjasama pelbagai pihak berkepentingan.

Ia mencerminkan nilai kerjasama strategik dalam merealisasikan hasil yang mampan bagi masyarakat yang memerlukan.

Pelaksanaan Projek Teduh terus diperkasa menerusi kerjasama erat antara BIBD, agensi-agensi kerajaan, rakan-rakan korporat, syarikat-syarikat perniagaan serta para sukarelawan yang berkongsi aspirasi yang sama sama untuk memperkasa masyarakat melalui tindakan secara kolektif.

Inisiatif tersebut mencerminkan Pendekatan Seluruh Negara (Whole of Nation Approach) yang menekankan kepentingan kerjasama dan tanggungjawab bersama dalam menangani cabaran sosial serta kebajikan.

Projek Teduh dibiayai melalui zakat perniagaan BIBD selaras dengan komitmen bank tersebut dalam menyalurkan dana berkenaan ke arah mewujudkan impak sosial yang bermakna serta memperkasa kesejahteraan masyarakat.

Inisiatif ini turut disokong melalui sumbangan daripada warga BIBD, organisasi-organisasi korporat dan syarikat-syarikat perniagaan yang berkongsi hasrat untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat serta memajukan pembangunan sosial yang mampan.

Usaha kolektif ini memperkukuh semangat ihsan, kesukarelawanan dan perpaduan, di samping mencerminkan nilai-nilai Maqasid Syariah serta aspirasi BIBD sebagai Bruneian at Heart.

Menerusi Projek Teduh, BIBD bersama rakan-rakan strategiknya kekal komited dalam menyokong usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah memperkasa pembangunan masyarakat yang inklusif dan mampan.

TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA, JAUHI TELEFON BIMBIT.

WATCH THE ROAD, KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.

Road Safety Depends on #YouAndMe

BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELAKKAN KEMALANGAN

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

PENGIBARAN BENDERA BESAR NBD SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (atas dan kanan).

Oleh : Nooradini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Julai. - Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 diadakan pagi tadi di Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.

Upacara penerimaan dan penyerahan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam berukuran 3.7mx7.5m disempurnakan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji

Abdul Rahman selaku tetamu kehormat majlis.

Selepas itu diikuti dengan penaikan dan pengibaran bendera dan kemudian seterusnya dengan penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam berukuran 2.5mx1.2m dan Poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 kepada Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Pemangku Pegawai Daerah Temburong serta diikuti penyerahan poster-poster kepada wakil-wakil kementerian-kementerian.

Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam di



daerah-daerah juga telah diadakan dan diteruskan dengan penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada penghulu-penghulu mukim di daerah masing-masing pada

sebelah petang.

Dengan berkibarnya Bendera Besar Negara Brunei Darussalam ini menandakan bermulanya pengibaran bendera peribadi bagi

Pengiran-Pengiran dan mereka yang dikurniakan gelaran; dan bendera Negara Brunei Darussalam bagi orang ramai termasuk di bangunan-bangunan dan premis-premis perniagaan.



UPACARA Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.



SEBAHAGIAN yang hadir dan menyertai persembahan pada majlis berkenaan (atas dan bawah).



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hijrah: Mengubah Diri, Mengubah Dunia'. Tarikh Tutup : 8 Julai 2026
2. 'Persekitaran Sihat, Selamat Pengaruhi Kehidupan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 15 Julai 2026
3. 'Pencemaran di Lautan : Cabaran dan Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 22 Julai 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MEMACU INOVASI MELALUI PENERAPAN TEKNOLOGI BAHARU, PEMBANGUNAN PENYELESAIAN

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika berucap.

GADONG, Rabu, 1 Julai. - Kejayaan Digital Brunei 2030 bergantung pada sejauh mana kerajaan dan sektor swasta dapat

bekerjasama dengan berkesan. Kita tidak boleh bertindak sebagai pihak yang berasingan dan bergerak seiring tanpa kerjasama, sebaliknya perlu menjadi rakan strategik yang sebenar dengan tanggungjawab bersama terhadap pencapaian hasil.

Kerajaan boleh menetapkan hala tuju, membangunkan infrastruktur dan mewujudkan persekitaran yang kondusif. Namun, penerimaan, inovasi dan penyampaian perkhidmatan digital hingga ke peringkat akhir (*last mile*) berlaku melalui sektor perniagaan, bukan semata-mata dari pusat pentadbiran.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus berucap sedemikian pada Majlis Perasmian Forum Ekonomi Digital Brunei 2026 bertempat di salah sebuah hotel di Gadong, hari ini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, sektor industri mesti menjadi pemacu utama transformasi ini. Oleh yang demikian, beliau menyeru semua perniagaan agar memacu inovasi melalui penerapan teknologi baharu dan pembangunan penyelesaian yang lancar serta berpusatkan rakyat.

Selain turut menggalakkan penggunaan pembayaran digital dan perkhidmatan tanpa tunai yang diyakini, selamat dan mudah digunakan. Melabur dalam pembangunan kemahiran seperti literasi Kecerdasan Buatan (AI), pengkodan, analisis data dan keselamatan siber bagi memperkasa tenaga kerja Negara Brunei Darussalam (NBD).

Di samping itu tambah Yang Berhormat, turut menyokong Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan menyediakan alat, khidmat nasihat serta akses kepada platform e-dagang serta bekerjasama dengan kerajaan untuk mempermudah proses,

mengintegrasikan sistem dan bersama-sama membangunkan perkhidmatan yang selamat, mudah diakses serta memenuhi keperluan pengguna dan juga membina kepercayaan melalui pengukuhan keselamatan siber dan perlindungan data yang lebih jelas serta sokongan yang responsif.

Yang Berhormat melahirkan harapan agar forum ini bukanlah yang terakhir seumpamanya. Kerjasama antara kerajaan dan industri perlu dilaksanakan secara berterusan, bukan sekadar perbincangan sekali sahaja.

"Kami memerlukan pihak industri untuk mengemukakan penyelesaian kepada cabaran sebenar yang dihadapi, manakala kerajaan pula perlu bersikap responsif serta bersedia melakukan penyesuaian apabila cadangan tersebut dikemukakan.

"Forum ini merupakan platform yang tepat untuk mewujudkan penglibatan berterusan sedemikian dan saya berharap hubungan kerjasama ini akan terus

diperkukuh melalui usaha-usaha susulan yang akan dilaksanakan selepas hari ini," ujar Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat, transformasi digital merangkumi tiga keutamaan iaitu pelaksanaan secara praktikal, kebolehsuaian dan kesedaran terhadap tanggungjawab. Tiada satu institusi pun mampu merealisasikan transformasi negara ini secara bersendirian justeru kerajaan akan mewujudkan persekitaran yang kondusif ujar Yang Berhormat.

Sektor industri perlu memacu inovasi, terang Yang Berhormat, institusi akademik perlu mencetuskan inspirasi manakala masyarakat pula perlu menerima dan mengamalkan transformasi digital.

"Bersama-sama, kita mampu membawa NBD daripada sekadar sebuah negara yang saling berhubung kepada sebuah negara yang benar-benar bersepadu dan lancar dari segi penyampaian perkhidmatan digital," jelas Yang Berhormat lagi.

Memperkukuh asas ekonomi digital dipercayai, inklusif, relevan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir dan merasmikan Forum Ekonomi Digital Brunei 2026 (atas). Manakala gambar atas kiri, antara forum yang dibentangkan.



JUARA Perniagaan Australia Brunei (Australia's Business Champion for Brunei) dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Penyelidikan Pendidikan Australia, Lisa Rogers semasa berucap.

GADONG, Rabu, 1 Julai. - Lebih 200 pembuat dasar, pemimpin perniagaan, wakil industri, ahli akademik dan pakar antarabangsa telah berkumpul hari ini di Forum Ekonomi Digital Brunei 2026 untuk meneroka bagaimana Negara Brunei Darussalam (NBD) dapat mempercepat pelaksanaan praktikal agenda transformasi digitalnya dan memperkukuh asas ekonomi digital yang dipercayai, inklusif dan relevan secara komersial.

Berlangsung di salah sebuah

hotel di Gadong, forum ini dianjurkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC) Brunei Darussalam dan Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) Brunei Darussalam di bawah Program Ekonomi Brunei.

Forum tahun ini, bertemakan 'Digital Brunei dalam Tindakan : Dari Strategi hingga Pelaksanaan,' memberi tumpuan kepada usaha merealisasikan aspirasi Digital Brunei 2030 melalui pelaksanaan yang mampu menghasilkan impak nyata kepada sektor perniagaan, kerajaan dan masyarakat.

Terdahulu, forum dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei Darussalam dan Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Brunei, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim yang mengalu-alukan peserta dan menekankan kepentingan memperkukuhkan kerjasama antara sektor awam dan swasta untuk mempercepat transformasi digital NBD dan memupuk pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Forum tersebut kemudiannya dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus yang juga menyampaikan ucapan

pembukaan mengenai Digital Brunei 2030.

Forum ini menampilkan perspektif antarabangsa memaparkan perspektif antarabangsa daripada Juara Perniagaan Australia Brunei (Australia's Business Champion for Brunei) dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Penyelidikan Pendidikan Australia, Lisa Rogers yang berkongsi pandangan tentang pembangunan saluran paip bakat digital dan Kecerdasan Buatan (AI) Brunei, dan Penolong Profesor dalam Falsafah di Universiti Hong Kong dan Ketua Pegawai Strategi Yayasan Hong Kong-ASEAN, Dr. Brian Wong yang meneliti implikasi AI, geopolitik dan tadbir urus teknologi untuk ekonomi kecil.

Acara kemuncak pagi itu ialah perbincangan panel bertajuk 'Membina Kelebihan Digital Brunei : Kepercayaan, Bakat dan Perdagangan Digital', yang meneroka bagaimana NBD boleh memanfaatkan kepercayaan, kemahiran digital dan inovasi komersial untuk kekal berdaya saing di tengah-tengah perubahan teknologi yang pesat.

Perbincangan itu menampilkan Lisa Rogers, Dr. Brian Wong dan Ketua Dasar Awam – e-Dagang,

TikTok Malaysia, Tengku Azrul Tengku Azhar dan telah dimoderasikan oleh Pengarah Urusan Confer Sdn. Bhd., Allen Lai. Forum ini diakhiri dengan dua sesi pecahan yang dijalankan secara serentak bagi melengkapkan para perniagaan dengan pengetahuan yang boleh diaplikasikan secara terus.

Sesi pertama, 'Pendahuluan Pembayaran Digital : Membantu PKS Beralih daripada Tunai kepada Digital', menampilkan Ketua Pegawai Eksekutif Datastream Digital, Awang Radin Sufri Radin Basiuni serta maklumat terkini daripada Ketua Pegawai Eksekutif National Digital Payments Network Sdn. Bhd., Awang Hafiz Haslen. Sesi ini memberikan panduan praktikal tentang cara menerima pakai penyelesaian pembayaran digital dan menyokong penyertaan yang lebih besar dalam ekonomi digital NBD.

Pada sesi kedua pula, 'Perintah Perlindungan Data Peribadi : Apa yang Perlu Diketahui oleh Perniagaan, Besar dan Kecil - Daripada Audit kepada Pelaksanaan', menampilkan Perunding Bersekutu, Pegawai Keselamatan Siber & Perlindungan Data di Innov8 Labs Sdn. Bhd., Awang Abdul Mujib bin Irfan,

peserta memperoleh pandangan praktikal tentang persediaan untuk pematuhan dengan Perintah Perlindungan Data Peribadi, termasuk tadbir urus data, kesediaan organisasi dan langkah pelaksanaan.

Memandangkan AI, perdagangan digital dan tadbir urus data terus membentuk semula ekonomi di seluruh rantau ini, forum ini memperkukuhkan kepentingan untuk melangkaui strategi ke arah pelaksanaan.

Perbincangan sepanjang hari mengetengahkan keperluan untuk memperkukuh keupayaan digital, menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), menggalakkan AI yang bertanggungjawab, meningkatkan kepercayaan digital dan memperdalam kerjasama antara kerajaan dan industri untuk merealisasikan cita-cita Digital Brunei 2030.

Forum Ekonomi Digital Brunei 2026 merupakan sebahagian daripada Program Ekonomi Brunei, platform sepanjang tahun yang diketuai oleh ASEAN-BAC Brunei dan ABAC Brunei yang menghimpunkan pembuat dasar, perniagaan dan rakan kongsi antarabangsa untuk membincangkan keutamaan ekonomi NBD dan peluang pertumbuhan masa hadapan.

SENTIASA PEKA DENGAN PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG, CABARAN SEMASA



SEKITAR Program Latihan Dalam bertajuk : 'Program Ulang Kaji Undang-Undang Harta Sepencarian Berdasarkan Undang-Undang dan Hukum Syarak' selama dua hari pada 1 hingga 2 Julai 2026 (atas, atas kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Julai. - Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri mengadakan Program Latihan Dalam bertajuk : 'Program Ulang Kaji Undang-Undang Harta Sepencarian Berdasarkan Undang-Undang dan Hukum Syarak' selama dua hari pada 1 hingga 2 Julai 2026.

Program tersebut merupakan salah satu inisiatif dan sebahagian usaha berterusan Mahkamah-Mahkamah Syariah untuk memastikan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah sentiasa peka dengan perkembangan undang-undang dan cabaran semasa khususnya berkaitan harta sepencarian.

Program yang diadakan ini merupakan salah satu program kerjasama antara Mahkamah

Syariah Negara Brunei Darussalam dengan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia setelah penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara kedua-dua institusi tersebut.

Program tersebut berlangsung di Dewan Serbaguna Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah dan dihadiri oleh lebih kurang 40 orang peserta yang terdiri daripada Ketua Hakim Syarie, Hakim-hakim Syarie, pegawai-pegawai dan beberapa kakitangan Mahkamah-mahkamah Syariah. Turut serta dalam program tersebut adalah peserta-peserta jemputan dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam.

Bagi menjayakan program tersebut, Mahkamah Syariah telah menjemput seorang fasilitator dari

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia iaitu Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Yang Arif Dato' Mohamad Shakir bin Abdul Hamid sebagai pembentang bagi program tersebut. Turut hadir sebagai peserta dari Malaysia adalah Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Tuan Abu Bakar bin Haji Mohd. Daud.

Antara tujuan dan objektif program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran pegawai-pegawai Mahkamah Syariah berkaitan konsep harta sepencarian menurut undang-undang dan hukum syarak; mengetahui kadar pembahagian harta sepencarian berpandukan prinsip-prinsip syarak dan undang-undang; menganalisa kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah; dan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Rayuan Syariah



membincangkan isu-isu semasa berkaitan harta sepencarian serta meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan dalam pengurusan harta sepencarian yang lebih cekap berpandukan kepada undang-undang dan prosedur bermula daripada pemfailan kes sehingga ia diputuskan oleh mahkamah.

Dengan adanya program ini diharap akan dapat menjadi

platform perkongsian ilmu, memperkukuh jaringan profesional dan seterusnya meningkatkan kualiti pengendalian kes harta sepencarian di Mahkamah Syariah serta meningkatkan lagi produktiviti dan mutu kerja setiap pegawai dan kakitangan dalam menjalankan tugas masing-masing serta meningkatkan lagi keupayaan dalam pengendalian isu-isu berkaitan harta sepencarian.

19 pelajar JIS terima sijil



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD) hadir dan bergambar ramai pada Program Bahasa dan Kebudayaan Jepun (atas kanan dan atas).

JERUDONG, Jumaat, 3 Julai. - Seramai 19 pelajar dari Jerudong International School (JIS) menerima sijil yang disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka sebagai pengiktirafan terhadap penyertaan mereka dalam Program Bahasa dan Kebudayaan Jepun yang berlangsung selama seminggu di sekolah tersebut.

Majlis itu turut menampilkan demonstrasi Kendo yang memukau oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD

bersama Ahli-ahli Brunei Kendo Renmei sekali gus memperagakan seni mempertahankan diri tradisional Jepun yang berasal daripada seni permainan pedang samurai.

Program dimulakan dengan Bengkel Bon Odori yang dikendalikan oleh kakitangan Kedutaan Jepun di NBD, yang memperkenalkan pelajar kepada tarian rakyat tradisional Jepun. Pada hari yang sama, Ahli-ahli Persekutuan Judo Brunei mengendalikan Bengkel Judo secara praktikal di JIS.

Sepanjang minggu tersebut,

para pelajar turut mengadakan lawatan ke Kedutaan Jepun untuk menyertai bengkel mengenai pakaian tradisional Jepun serta dijemput ke Kediaman Rasmi Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka, di mana para pelajar diperkenalkan cara untuk menyediakan susui.

Para pelajar turut mendalami budaya Jepun dengan menghasilkan Hachimaki (ikat kepala tradisional Jepun) serta mempelajari Shodo (seni kaligrafi Jepun). Program tersebut diakhiri dengan pembentangan oleh para pelajar mengenai pelbagai aspek budaya Jepun.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong International School



Majlis tersebut turut menandakan Ulang Tahun Ke-10 Program Bahasa dan Kebudayaan Jepun. Tuan Yang Terutama juga menyampaikan sijil peringatn kepada JIS sebagai pengiktirafan terhadap sedekad kerjasama antara sekolah berkenaan dengan Kedutaan Jepun di NBD.

Program yang ditubuhkan pada tahun 2016 oleh Andrew McCulloch dan Russell Mann itu telah memberi peluang kepada kira-kira 150 pelajar untuk memupuk penghargaan yang lebih mendalam terhadap bahasa dan budaya Jepun.

Ketua Program dan Guru JIS, Andrew McCulloch menjelaskan bahawa inisiatif tersebut diilhamkan oleh pengalaman beliau sendiri menyertai Program

Pertukaran dan Pengajaran Jepun (JET) anjuran Kerajaan Jepun 25 tahun lalu, yang mana menurut beliau merupakan pengalaman yang amat berharga dan telah mengubah kehidupannya.

Dalam ucapan penutupnya, Pengarah Akademik JIS, Alex Cook, menekankan kepentingan minggu terakhir tahun akademik dalam menyediakan peluang kepada pelajar untuk menimba ilmu di luar bilik darjah.

Beliau berkata Program Bahasa dan Kebudayaan Jepun mencerminkan komitmen JIS dalam melahirkan pelajar yang berfikir global melalui pertukaran budaya yang bermakna, penyertaan aktif serta pengalaman pembelajaran yang menyeluruh.

Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



BERAKAS, Rabu, 1 Julai. - Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Brunei dan Muara berlangsung petang tadi bertempat di Kawasan Pekarangan Bangunan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka

Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Kampung Sungai Hanching, Awangku Ahmad Fathurrahman Nur Firdaus bin Haji Hasanuddin.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan tetamu kehormat menyerahkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei bagi Upacara Menaikkan Bendera dengan diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Seterusnya Acara Pengagihan Bendera-bendera kepada penghulu-penghulu mukim dan pemangku penghulu-penghulu mukim; wakil-wakil dari



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas dan kiri), manakala gambar bawah, Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam di Kawasan Pekarangan Bangunan Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Institusi - institusi Pengajian Tinggi; persekutuan-persekutuan; persatuan-persatuan; pihak-pihak swasta; Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan penyampaian Sijil-sijil Penghargaan kepada Wakil Pegawai Pemerintah Daerah

Polis Brunei dan Muara, Pasukan Polis Diraja Brunei; Pasukan Pancaragam Jabatan Bomba dan Penyelamat; Pasukan Koir Sekolah Menengah Sayyidina Husain; Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;

Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam serta Voluntary First Aid Support Team.

Turut hadir, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan media massa.



YANG Mulia Timbalan Menteri Pembangunan semasa menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada anggota PPDB.

TUTONG, Rabu, 1 Julai. - Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Daerah Tutong Tahun 2026 berlangsung di Kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, petang tadi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Kampung Tanjong Maya, Awang Mohd. Latif bin Zaini.

Rombongan pembawa bendera negara diketuai oleh Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin



UPACARA Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam di Kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Daerah Tutong

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

Haji Awang Adanan, dengan diiringi seramai 80 anggota Pasukan Serunai dan Tambur Jabatan Penjara, Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Kadet Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat, Pasukan Pandu Puteri serta Pasukan Bulan Sabit Merah.

Bendera negara kemudiannya diserahkan kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri, sebelum disampaikan kepada tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Majlis diteruskan dengan penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam oleh tetamu kehormat kepada PPDB bagi penaikan dan pengibaran bendera.

Suasana majlis turut disemarakkan dengan nyanyian Lagu Bendera NBD oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa bersama para penuntut Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong.

Seterusnya, tetamu kehormat menyempurnakan penyerahan Bendera NBD kepada penghulu-penghulu mukim dan pemangku penghulu-penghulu mukim di Daerah Tutong.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, para jemputan khas, ketua-ketua jabatan dan cawangan kerajaan di Daerah Tutong, penghulu-penghulu mukim, pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung serta pemangku ketua-ketua kampung Daerah Tutong.

Pengibaran Bendera NBD menandakan bermulanya tempoh pengibaran bendera peribadi bagi Pengiran-Pengiran dan penerima gelaran serta Bendera Negara Brunei Darussalam di kediaman orang ramai, bangunan kerajaan dan premis perniagaan di seluruh negara sehingga 8 Ogos 2026 bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80.

Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80

Daerah Belait

BELAIT, Rabu, 1 Julai. - Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Belait diadakan di Taman Persiaran

Cendera Kenangan, Jalan Sungai, Kuala Belait, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiyati binti Haji Abdul Wahab. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan sesudah itu, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad seterusnya menyerahkan bendera kepada tetamu kehormat dan diserahkan kepada Pasukan Polis Diraja

Brunei, Kuala Belait untuk dikibarkan.

Upacara Mengibarkan Bendera diiringi dengan Lagu 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Pasukan Koir Pusat Tingkatan Enam Belait. Sejurus bendera dikibarkan, Pasukan Koir meneruskan persembahan dengan nyanyian lagu 'Bendera Negara'.

Selesai sahaja persembahan, tetamu kehormat menyerahkan Bendera-bendera NBD kepada penghulu - penghulu dan pemangku-pemangku penghulu mukim serta wakil daripada persatuan-persatuan di Daerah Belait ini untuk dikibarkan selepas acara ini dijalankan. Majlis disudahi dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Imam Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Haji Noor Azihar bin Haji Harith.

Salah satu peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk di negara ini secara individu dalam sama-sama merayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah

SUASANA Upacara Mengibarkan Bendera diiringi dengan Lagu 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Pasukan Koir Pusat Tingkatan Enam Belait.



YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Oleh: Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto: Hernie Suliana Haji Othman

dengan mengibarkan Bendera Kebangsaan NBD di halaman rumah masing-masing.

Pengibaran bendera ini adalah sebagai simbol taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menurulkannya mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan.

Juga hadir pada upacara tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari

Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Belait, ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait, penghulu mukim dan pemangku - pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku-pemangku ketua kampung, pengetua - pengetua sekolah Daerah Belait, pengarah-pengarah urusan syarikat-syarikat, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Belait serta wakil daripada persatuan-persatuan.



TEMBURONG, Rabu, 1 Julai. - Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Temburong diadakan petang tadi di Kawasan Letak Kereta Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, Temburong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Mohamad Hafizuddin bin Awang Masri.

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto: Ihsan Jabatan Daerah Temburong

Sejurus selesai bacaan doa, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar seterusnya menyerahkan bendera kepada tetamu kehormat dan diserahkan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, Temburong bagi Upacara Menaikkan Bendera.

Kemudian upacara disusuli dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan diteruskan dengan Lagu 'Dirgahayu' oleh Kumpulan Koir daripada penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong.

Selesai sahaja persembahan, tetamu kehormat dijemput untuk menyerahkan Bendera-bendera NBD kepada penghulu-penghulu dan pemangku - pemangku penghulu mukim serta wakil dari ketua-ketua cawangan

Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong untuk dikibarkan selepas acara ini dijalankan.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; penghulu dan pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku ketua-ketua kampung, ketua-ketua cawangan Jabatan Kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan Persatuan-persatuan Bukan Kerajaan (NGO).

Dengan Majlis Pengibaran Bendera ini orang ramai diminta bagi menaikkan Bendera NBD dan bagi orang-orang yang bergelar diminta menaikkan bendera peribadi masing-masing bermula pada 1 Julai 2026.

Daerah Temburong



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan Bendera NBD kepada para penerima.



SEKITAR Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam yang mengambil tempat di Kawasan Letak Kereta Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, Temburong (atas dan kanan).



BINCANG HALA TUJU STRATEGIK PENDIDIKAN GURU ASEAN



RA'ES KUPU SB semasa hadir pada mesyuarat tersebut.

CEBU CITY, REPUBLIK FILIPINA, Rabu, 2 Julai. - Mesyuarat Ketua-ketua The Association of Southeast Asian Teacher Education Network (AsTEN) Ke-21 yang dikendalikan oleh Philippine Normal University (PNU) telah diadakan pada 1 Julai 2026, bertempat di Golden Prince Hotel and Suites, Cebu City, Republik Filipina.

Mewakili Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ke mesyuarat berkenaan ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, selaku Timbalan Pengerusi

AsTEN.

Turut hadir, Pengarah Pusat Ilmu Teras KUPU SB, Dr. Kharhan bin Haji Jait, selaku Pegawai Perhubungan KUPU SB AsTEN dan Pengarah Pusat Antarabangsa dan Perhubungan Awam KUPU SB, Mohammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa.

Mesyuarat Ketua-ketua AsTEN Ke-21 kali ini antara lain membincangkan agenda-agenda yang berkaitan dengan perkembangan hala tuju strategik AsTEN; penglibatan anggota-anggota AsTEN dalam Agensi

Jaminan Kualiti Pendidikan Guru AsTEN (ASTEN); di samping inisiatif AsTEN yang selaras dengan hala tuju strategik jaringan melalui pelbagai platform institusi anggota AsTEN.

Agenda - agenda yang dibincangkan sudah tentunya bermatlamat untuk menangani pelbagai isu, cabaran dan kebimbangan yang berkaitan dengan dasar, amalan serta program pendidikan guru di rantau ini.

Mesyuarat juga mengesahkan Kasetsart University sebagai tuan rumah bagi Mesyuarat Ketua-ketua AsTEN Ke-22, pada bulan November 2026 di Bangkok, Thailand, di mana akan diselenggarakan dengan CU-KU International Symposium in Education 2026.

Pada sebelah malamnya pula, turut menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan AsTEN.

Diwakili oleh Timbalan Naib Canselor UBD, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman, penandatanganan tersebut menandakan penyertaan UBD sebagai Ahli Anggota AsTEN yang baharu, bersama empat buah universiti yang lain, Cebu Normal

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

University; Leyte Normal University; West Visayas State University; dan Hanoi National University of Education.

AsTEN dianggotai oleh rangkaian institusi pendidikan guru di negara-negara ASEAN dalam usaha untuk menangani isu dan cabaran yang berkaitan dengan program, amalan dan dasar pendidikan guru dalam ASEAN.

Ia secara tidak langsung berpotensi untuk memperkukuh pembangunan profesional guru dan memperkaya ekosistem pendidikan di Negara-negara ASEAN secara menyeluruh dan komprehensif.

Komitmen KUPU SB dalam AsTEN ini secara langsung berfungsi sebagai platform strategik untuk mentransformasikan pendidikan guru sekali gus melahirkan pendidik profesional yang reflektif dan berinovasi, yang boleh memberi manfaat kepada KUPU SB khasnya dan Negara Brunei Darussalam (NBD) amnya.

Ra'es KUPU SB merupakan Ahli Lembaga Pengarah dalam AsTEN, dan juga Timbalan Pengerusi AsTEN bagi tempoh 2024-2027 serta Ketua AsTEN bagi jaringan pendidikan guru Asia Tenggara yang mewakili NBD.

16 pelajar, 2 guru SM YSHHB berlepas ke Republik Singapura



DELEGASI Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) terdiri daripada 16 orang pelajar menengah atas bersama dua orang guru pembimbing yang diketuai oleh Pengetua SM YSHHB, Dayang Sarimah binti Haji Lusin meninggalkan ibu negara ke Republik Singapura dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei

Berita dan Foto oleh : Nurdianah Rajami

BERAKAS, Khamis, 2 Julai. - Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) akan menyertai Program Pertukaran Sekolah dan Seminar Kepimpinan Y.LEAD yang dianjurkan oleh River Valley High School (RVHS), Republik Singapura, bermula 2 Julai hingga 11 Julai 2026.

Sehubungan itu, delegasi SM YSHHB terdiri daripada 16 orang pelajar menengah atas bersama dua orang guru pembimbing yang diketuai oleh Pengetua SM YSHHB, Dayang Sarimah binti Haji Lusin telah meninggalkan ibu negara ke Republik Singapura dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), petang tadi.

SM YSHHB dan RVHS telah menjalin kerjasama yang kukuh dan aktif sejak tahun 2017, apabila RVHS mengadakan lawatan pertukaran sekolah pertamanya ke Negara Brunei Darussalam pada 19 Mei hingga 23 Mei 2017. Sejak itu, kerjasama ini telah membuka pelbagai peluang bermakna kepada para pelajar dan pendidik dari kedua-dua buah sekolah untuk melibatkan diri dalam pembelajaran rentas budaya, pengayaan akademik serta pembangunan kepimpinan.

Kerjasama bagi tahun 2026 merangkumi dua program yang akan dilaksanakan secara berturut-turut. Program pertama ialah Program Pertukaran Sekolah yang akan berlangsung dari 2 Julai hingga 6 Julai 2026 dengan tema 'Belia dan Pemeliharaan Alam Sekitar di Asia Tenggara'. Program ini selaras dengan objektif RVHS dalam mempromosikan kelestarian alam sekitar, memperkukuh kerjasama antara sekolah, memupuk penghayatan budaya serta menggalakkan pembentangan projek yang diterai oleh pelajar. Sepanjang program tersebut, para peserta akan mengikuti sesi perkongsian budaya, lawatan pembelajaran, aktiviti kolaboratif serta pelbagai aktiviti yang memberi penekanan kepada kelestarian alam sekitar.

Manakala program kedua yang akan dilaksanakan ialah Seminar Kepimpinan Y.LEAD yang akan diadakan dari 7 Julai hingga 10 Julai 2026. Y.LEAD merupakan program pembangunan kepimpinan berteraskan nilai yang direka bagi melahirkan pemimpin belia yang proaktif dan bertanggungjawab. Seminar ini akan menampilkan ucpatama, perbincangan panel, lawatan pembelajaran berasaskan penyiasatan, cabaran kepimpinan serta majlis penutupan.

Melalui penyertaan dalam kedua-dua program ini, para pelajar berpeluang meningkatkan kesedaran global, memperkukuh kompetensi kepimpinan, memperluas pemahaman mengenai pemeliharaan alam sekitar, meningkatkan kebolehsuaian budaya serta memupuk semangat tanggungjawab sivik, di samping mengeratkan hubungan persahabatan dengan rakan-rakan dari Republik Singapura dan sekolah-sekolah lain yang turut serta.

Dalam pada itu, penyertaan sekolah dalam program ini turut mencerminkan komitmen berterusan SM YSHHB dalam menyediakan pengalaman pembelajaran antarabangsa yang bermakna kepada para pelajar, sekali gus memupuk kepimpinan, kewarganegaraan global dan pembangunan sahsiah secara holistik.

UBD perkukuh penglibatan serantau dalam pendidikan guru



MAJLIS pemeteraian tersebut diadakan bersempena Majlis Resepsi Mesyuarat Presiden-presiden Ke-21 AsTEN yang berlangsung pada 1 Julai 2026 di Cebu City, Republik Filipina.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

CEBU CITY, REPUBLIK FILIPINA, Khamis, 2 Julai. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) secara rasminya menjadi Ahli Persatuan Rangkaian Pendidikan Guru Asia Tenggara (AsTEN) menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara UBD dan AsTEN.

Majlis pemeteraian tersebut diadakan bersempena Majlis Resepsi Mesyuarat Presiden-presiden Ke-21 AsTEN yang berlangsung pada 1 Julai 2026 di Cebu City, Republik Filipina.

UBD diwakili oleh Timbalan Naib Canselor, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman, manakala bagi pihak AsTEN, memorandum tersebut ditandatangani oleh Pengerusi AsTEN, Profesor Dr. Ngo Thi Phuong Lan.

Penyertaan tersebut menandakan keahlian rasmi UBD sebagai Ahli Baharu AsTEN bersama empat institusi pengajian tinggi lain, iaitu Universiti Normal Cebu, Universiti Normal Leyte, Universiti Negeri Visayas Barat dan Universiti Pendidikan Kebangsaan Hanoi.

AsTEN merupakan sebuah

rangkaiannya institusi pendidikan guru dari Negara-negara ASEAN yang bertujuan menangani isu dan cabaran berkaitan program, amalan serta dasar pendidikan guru di rantau ini. Keahlian dalam rangkaian tersebut berpotensi memperkukuh pembangunan profesional pendidik, menggalakkan kerjasama dalam penyelidikan dan inovasi pendidikan, di samping memperkaya ekosistem pendidikan guru di Negara-negara ASEAN secara menyeluruh.

Mengulas mengenai kepentingan keahlian tersebut, Profesor Dr. Haji Noor Azam berkata, penyertaan UBD dalam AsTEN merupakan satu langkah penting dalam memperkukuh penglibatan universiti di peringkat serantau dalam bidang pendidikan guru dan peningkatan kualiti tenaga pengajar.

Menurut beliau, keahlian tersebut akan membuka lebih banyak peluang untuk kerjasama dalam penyelidikan, inovasi dan pertukaran akademik, di samping memperkukuh komitmen UBD dalam melahirkan pendidik yang bersedia menghadapi cabaran masa hadapan serta mampu

menyumbang kepada kemajuan pendidikan di Negara Brunei Darussalam dan rantau ASEAN.

Turut menyaksikan majlis pemeteraian tersebut ialah Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani selaku Timbalan Pengerusi AsTEN; Dekan Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE) UBD, Dr. Hajah Hardimah Haji Md. Said; serta Pengarah Eksekutif Urus Setia AsTEN, Profesor Madya John Carlos M. Ramos.

Penyertaan UBD sebagai ahli baharu AsTEN mencerminkan komitmen universiti, khususnya melalui SHBIE, dalam memperkukuh kecemerlangan pendidikan guru menerusi kerjasama serantau, penyelidikan bersama dan pembangunan inovasi pendidikan.

Delegasi UBD seterusnya menyertai Persidangan Pendidikan Guru ASEAN (AsTEC) 2026 yang berlangsung selama dua hari bermula 2 hingga 3 Julai 2026 di lokasi yang sama.

Persidangan yang bertemakan 'Identiti Guru ASEAN: Menjamin Kualiti Pendidikan Guru dalam Era Digital' itu menampilkan pakar-pakar pendidikan terkemuka, antaranya Profesor Christine Goh, Profesor Kursi Presiden dari Institut Pendidikan Kebangsaan (NIE), Republik Singapura, serta Profesor Fuad Abdul Hamied dari Universiti Pendidikan Indonesia (UPI), Bandung.

Persidangan AsTEC 2026 menghimpunkan institusi-institusi Ahli AsTEN dari seluruh rantau ASEAN, pemimpin institusi pendidikan guru, ahli akademik, penyelidik dan penggubal dasar bagi membincangkan usaha memperkukuh identiti pendidik ASEAN, meningkatkan kualiti pendidikan guru serta memperluaskan kerjasama serantau dalam mendepani cabaran pendidikan pada era digital.

MPM SERASA SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN



MERAGANG, Khamis, 2 Julai. - Acara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni



Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Mukim Serasa

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Zon 3 telah

diadakan di Pusat Tingkatan Enam Meragang.

Acara tersebut dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim (MPM) Serasa dengan kerjasama Pusat



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok hadir selaku tetamu kehormat pada Acara Menaikkan Bendera bagi Zon 3 yang diadakan di Pusat Tingkatan Enam Meragang (kiri dan bawah kiri), manakala gambar bawah tengah, antara persembahan pada acara berkenaan.

Tingkatan Enam Meragang sebagai sebahagian daripada usaha menyemarakkan lagi sambutan perayaan berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok. Turut hadir ialah Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing serta Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah selaku Penasihat MPM Serasa.

Acara dimulakan dengan Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Majlis turut diserikan dengan persembahan syair dan pantun yang dipersembahkan oleh para penuntut Pusat Tingkatan Enam Meragang sebelum diakhiri dengan laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' sebanyak tiga kali.

Acara berkenaan menghimpunkan kira-kira 400 penuntut Pusat Tingkatan Enam Meragang serta dihadiri oleh penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung Zon 3, guru-guru dan Ahli-ahli MPM Serasa.

Bincang strategi, inisiatif memperkukuhkan pertumbuhan keahlian pengakap



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan cenderamata penghargaan kepada penerima (kanan dan atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Julai. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) menjadi tuan rumah APR NSO Membership Growth Coordinators Meet 2026 (MGCM26) yang berlangsung selama lima hari bermula hari ini hingga 5 Julai di Bilik Persidangan, Ibu Pejabat PPNBD.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis perasmian ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Lilly

Suzana binti Haji Shamsu.

Turut hadir ialah Yang Dipertua PPNBD, ACP (B) Awang Haji Murad bin Haji Abdul Hadi; Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin; Ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan; Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap; serta wakil-wakil dari Pejabat Pengakap Rantau Asia-Pasifik.

Mesyuarat berkenaan menghimpunkan penyelaras perkembangan ahli daripada 14 National Scout Organizations (NSOs) di seluruh rantau

Asia-Pasifik bagi membincangkan strategi dan inisiatif ke arah memperkukuhkan pertumbuhan keahlian pengakap di negara masing-masing.

Antara objektif utama penganjuran ialah untuk berkongsi pendekatan dan strategi dalam memperkasa perkembangan keahlian pengakap, di samping bertukar pandangan, pengalaman serta amalan terbaik antara organisasi-organisasi pengakap di bawah rantau Asia-Pasifik.

Majlis dimulakan dengan ketibaan tetamu kehormat,

diikuti bacaan Surah Al-Fatihah. Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pesuruhjaya Ibu Pejabat Pengakap, Bahagian Perkembangan Ahli, Skipper Awang Mohammad Hatta bin Haji Suhaili.

Majlis turut menyaksikan ucapan dan pembentangan mengenai perkembangan Pergerakan Pengakap di rantau Asia-Pasifik yang disampaikan oleh Director Membership and Capacity Building, Asia-Pacific Regional Scout Office, S. Prassanna Shrivastava.

Tetamu kehormat kemudiannya

menyampaikan ucapan perasmian sekali gus merasmikan APR NSO Membership Growth Coordinators Meet 2026, disusuli tayangan video perasmian, penyampaian cenderamata penghargaan dan sesi bergambar ramai.

Penganjuran mesyuarat tersebut mencerminkan komitmen PPNBD dalam memperkukuhkan kerjasama serantau, memperkasa pembangunan keahlian serta menyokong aspirasi Pergerakan Pengakap Sedunia untuk melahirkan lebih ramai belia yang berdaya tahan, berkemahiran dan memiliki ciri-ciri kepimpinan.





Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap



AMALAN-AMALAN YANG MENJADI JALAN KE SYURGA ALLAH SWT

(17 MUHARRAM 1448H / 03 JULAI 2026M)

"Syurga adalah tempat yang penuh dengan segala macam nikmat keindahan dan kesenangan yang menjadi dambaan setiap insan."

"Syurga bukanlah tempat yang boleh dimasuki hanya dengan angan-angan atau harapan kosong."

"Ia adalah kediaman yang Allah SWT sediakan khusus untuk hamba-hamba-Nya yang benar-benar beriman, yang membuktikan keimanan itu dengan amal salih dan taat kepada perintah Allah SWT."

Antara amalan yang boleh dilakukan sebagai bekalan menuju ke syurga Allah SWT, sebagaimana yang dianjurkan dalam hadis-hadis Rasulullah SAW ialah:

1



Sentiasa
Memperbanyakkan Doa
Kepada Allah SWT

2



Membaca Ayat
Al-Kursi Selepas
Sembahyang Fardhu

3

سُبْحَانَ اللَّهِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ
اللَّهُ أَكْبَرُ



Sentiasa Membasahi
Lidah Dengan
Mengamalkan Zikir
Dalam Kehidupan
Seharian

4



Menghafal Dan
Memahami Makna
Asmaul Husna Yang
Indah

5



Membina Masjid
Dengan Ikhlas Kerana
Allah SWT

Inisiatif kerajaan ini
membuka peluang
bagi umat Islam
berinfaq, dengan niat
ikhlas, mengikut
kemampuan masing-
masing.



"Perkhidmatan SMS
Tabung Dana Pembinaan
Masjid Negara Brunei
Darussalam dibuka
bermula 08 April 2026
yang lalu hingga 31
Disember 2026."

Peringatan Untuk Muhasabah

Jadikan setiap kesempatan sebagai medan untuk mencari keredaan Allah SWT dan mengumpul bekalan menuju syurga yang dijanjikan. Janganlah kita tergolong dalam kalangan orang yang lalai sehingga rugi dan menyesal di hari akhirat kelak.



Amalan-amalan yang menjadi jalan ke syurga Allah Subhanahu Wata'ala

Hakikat ini dijelaskan sendiri oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda. D daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Allah berfirman : *"Aku telah menyediakan untuk hamba-hamba-Ku yang soleh apa yang mata tidak pernah melihatnya, yang telinga tidak pernah mendengarnya dan tidak pernah terlintas dalam hati manusia. Jika kamu mahu bacalah ayat : Tiada sesiapa yang tahu apa yang disembunyikan untuk mereka daripada penyejuk mata"*. (Surah As-Sajdah, ayat 17) (Hadis Kudsi Riwayat Imam Bukhari)

Hadis Kudsi ini menunjukkan betapa besarnya nikmat syurga yang Allah sediakan. Oleh itu, janganlah kita hanya berangan-angan untuk mendapatkan syurga tetapi hendaklah berusaha dengan amalan yang ikhlas, menjaga kewajipan dan meninggalkan larangan Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis-hadis Baginda telah menunjukkan kepada umatnya pelbagai jalan dan amalan yang boleh dilakukan sebagai bekalan menuju ke syurga Allah Subhanahu Wata'ala. Antara amalan yang dianjurkan dalam hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah :

Pertama : Sentiasa memperbanyakkan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar kita tergolong dalam kalangan penghuni syurga. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri membimbing umatnya supaya tidak sekadar meminta syurga bahkan memohon syurga yang paling tinggi darjatnya, iaitu Syurga Firdaus. D daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : *"Maka jika kamu memohon kepada Allah, mohonlah Syurga Firdaus kerana ia adalah syurga yang paling tinggi dan paling utama, di atasnya terdapat Arasy Rahman dan daripadanya mengalir sungai-sungai syurga"*. (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Maka di dalam berdoa, hendaklah kita memohon syurga dengan penuh harapan kepada rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dan dalam masa yang sama berlindung daripada azab neraka, azab kubur, *sul khatimah* dan kelemahan iman.

Kedua : Membaca ayat Kursi selepas menunaikan sembahyang fardu. InsyaaAllah amalan konsisten ini menjadi salah satu sebab yang mendekatkan seseorang kepada rahmat dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala serta membuka jalan menuju syurga-Nya. D daripada Abu Umamah Al-Bahili Radiallahuanhu bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang

bermaksud : *"Barang siapa yang membaca ayat Kursi setiap selepas kali sembahyang fardu, tidak akan terhalang baginya untuk memasuki syurga melainkan mati"*. (Hadis Riwayat An-Nasaie)

Kelebihan membaca ayat Kursi ini hendaklah difahami bersama dengan tuntutan menjaga sembahyang, memelihara iman, menjauhi maksiat dan bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ia adalah amalan besar yang kelebihanannya menjadi sebab menuju syurga dengan izin serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga : Sentiasa membasahi lidah dengan mengamalkan zikir dalam kehidupan seharian, antara zikir yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan Baginda menjamin orang yang membaca zikir ini akan masuk ke dalam syurga. D daripada Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Barang siapa mengucapkan : Maksudnya : "Aku reda Allah sebagai Tuhanku, Islam sebagai agamaku dan Nabi Muhammad sebagai rasulku maka dijanjikan baginya syurga"*. (Hadis Riwayat Abu Daud)

Keempat : Menghafaz dan memahami makna Asmaul Husna yang indah. Amalan ini menawarkan kelebihan besar untuk mendapat keredaan dan syurga Allah Subhanahu Wata'ala. D daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : *"Sesungguhnya bagi Allah 99 nama, 100 kecuali satu, barang siapa yang menghafaz dan memahaminya akan masuk syurga"*. (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Maksud menghafaz dan memahami Asmaul Husna bukan sekadar menyebut nama-nama Allah Subhanahu Wata'ala di lidah tetapi menghayati maknanya, berdoa dengan-Nya dan berusaha menzahirkan kesan keimanan kepada nama-nama Allah Subhanahu Wata'ala itu dalam akhlak dan amalan seharian.

Kelima : Membina masjid dengan ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya orang-orang yang menghulurkan sumbangan untuk membina masjid atau terlibat dalam pembinaan rumah Allah ini, nescaya Allah Subhanahu Wata'ala akan mendirikan rumah untuknya di syurga. Perkara ini selaras dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Jabir bin Abdullah Radiallahuanhuma, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : *"Siapa yang membina masjid kerana mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala maka Allah Subhanahu Wata'ala akan membina untuknya rumah di*

dalam syurga". (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Alhamdulillah menghulurkan sumbangan bagi pembinaan masjid sangatlah mudah di negara kita pada masa ini. Lebih-lebih lagi pada ketika ini perkhidmatan SMS Tabung Dana Pembinaan Masjid di Negara Brunei Darussalam dibuka bermula 8 April 2026 yang lalu hingga 31 Disember 2026. Inisiatif kerajaan ini membuka peluang bagi umat Islam berinfak dengan niat ikhlas, mengikut kemampuan masing-masing. Dengan hasil kutipan akan dipergunakan sepenuhnya untuk pembinaan dan pemeliharaan bangunan-bangunan masjid lainnya. Semoga setiap sumbangan ikhlas kita itu diterima dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Masih banyak lagi amalan lain yang dianjurkan dalam Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang sahih sebagai jalan menuju syurga Allah Subhanahu Wata'ala. Kesemua amalan yang baik apabila dilakukan dengan iman, ikhlas dan menurut sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah menjadi asbab kita mendapat rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dan menuju syurga-Nya.

Oleh itu, selagi kita masih diberi peluang bernafas, dipanjangkan usia, dikurniakan kesihatan serta dilapangkan masa, marilah kita bersungguh-sungguh berusaha memperbaiki ketaatan, meningkatkan amal ibadah dan melipatgandakan amalan berinfak serta bersedekah ke jalan Allah Subhanahu Wata'ala. Jadikanlah setiap kesempatan sebagai medan untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan mengumpul bekalan menuju syurga yang dijanjikan. Janganlah kita tergolong dalam kalangan orang yang lalai sehingga rugi dan menyesal di hari akhirat kelak.

Akhirnya, mari kita sama-sama menadah tangan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar kita dan seluruh ahli keluarga dikurniakan iman yang teguh, ketakwaan yang berterusan dan amalan soleh yang diterima. Semoga kita dilindungi daripada azab neraka dan seterusnya dihindarkan dalam kalangan ahli Syurga Firdaus. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : *"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengajar amalan-amalan soleh, mereka itu adalah sebaik-baik makhluk. Ganjaran mereka di sisi Tuhan ialah syurga-syurga 'Adn, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda terhadap mereka dan mereka pula reda terhadap-Nya. Yang demikian itu ialah (ganjaran) bagi orang yang takut kepada Tuhannya"*. (Surah Al-Bayyinah, ayat 7-8)

Tiada unsur jenayah ditemui dalam kes kematian tular

■ Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 3 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan bahawa bedah siasat yang dijalankan oleh pakar patologi baru-baru ini, berhubung kes yang tular di media sosial telah mengesahkan punca kematian adalah akibat gantung diri.

Pemeriksaan yang dijalankan turut mengesahkan tiada sebarang unsur jenayah atau perkara yang mencurigakan ditemui berhubung kes ini.

Sementara itu, usaha mengenal pasti identiti si mati masih diteruskan. Cap jari si mati telah diambil dan dihantar ke Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) PPDB serta Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi membantu proses pengenalan.

Sehubungan itu, PPDB menyeru orang ramai yang mengenali si mati atau mempunyai sebarang maklumat berkaitan identitinya supaya tampil ke hadapan dan menghubungi balai polis yang berhampiran.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh menimbulkan kegusaran atau kebimbangan dalam kalangan orang ramai, serta tidak menyebarkan maklumat yang belum dipastikan kesahihannya berhubung kes ini.

Sebarang perkembangan lanjut akan dimaklumkan melalui saluran rasmi PPDB, jika perlu.

Turut dinasihatkan kepada orang ramai, jika memerlukan bantuan kesihatan mental boleh mendapatkan perkhidmatan sokongan dengan menghubungi Talian Harapan 145 atau merujuk ke klinik kesihatan dan hospital kerajaan terdekat untuk mendapatkan penilaian profesional.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA



UPACARA MENAIKKAN BENDERA SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Sekolah Ugama Lumapas. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Lumapas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Julai. - Semangat cintakan raja yang dikasihi terus dipupuk menerusi Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Zon 4 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumapas 'A', hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Sekolah Ugama Lumapas di sini ialah

Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ahli MPK Lumapas 'A', Pengiran Amiruddin bin Pengiran Haji Tejudin dan kemudiannya mengepalai Doa Selamat bagi memohon keberkatan dan kelancaran majlis.

Seterusnya, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas mengalukan tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyerahan Bendera NBD kepada para peserta bagi Upacara Menaikkan Bendera.

Upacara Menaikkan Bendera

NBD berlangsung dalam suasana penuh rasa bangga dan hormat sambil diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', sekali gus menyemarakkan lagi semangat patriotisme dan taat setia kepada raja, agama dan negara.

Bagi menghargai komitmen para peserta yang menjayakan upacara tersebut, majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Turut diadakan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat sebagai tanda penghargaan dan kenang-kenangan.

Penganjuran majlis seumpama ini adalah sebagai bukti kita selaku penduduk dan rakyat negara inimenyemarakkan semangat cintakan raja sekali gus menjadi platform memperkukuh perpaduan komuniti serta menanam nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat demi memastikan kedaulatan dan keharmonian NBD terus terpelihara.

Justeru, sudah menjadi kelaziman kita di negara ini apabila menjelang bulan Julai ini, kita mengibarkan bendera di kediaman masing-masing dan bagi tahun ini bermula dari 1 Julai sehingga 8 Ogos 2026.

Bagi Pengiran-pengiran dan orang-orang yang disampiri gelaran hendaklah mengibarkan bendera peribadi masing-masing, manakala orang ramai mengibarkan Bendera Kebangsaan NBD.

Marilah kita sama-sama merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar melanjutkan usia Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak

Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam beserta kerabat diraja baginda dengan kurniaan kesihatan yang berterusan dan sentiasa dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.



TETAMU kehormat menyempurnakan penyerahan Bendera NBD kepada para peserta bagi Upacara Menaikkan Bendera (atas dan bawah).



PPNBD adakan Upacara Menaikkan Bendera



UPACARA berkenaan diharap akan dapat memberi kesedaran kepada ahli-ahli pengakap agar sama-sama menaikkan bendera negara bagi memperingati dan memeriahkan lagi sambutan hari kebesaran negara.

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Julai. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah mengadakan Upacara Menaikkan Bendera bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026, berlangsung di hadapan Bangunan Ibu Pejabat PPNBD.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Dipertua PPNBD,

ACP Murad bin Abdul Hadi. Turut hadir, Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin; Ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan, Pesuruhjaya - pesuruhjaya Pengakap, Penolong-penolong Pesuruhjaya Pengakap, Pemimpin-pemimpin Pengakap, Ahli-ahli Pengakap Muda, Pengakap Remaja dan Pengakap Kelana.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, diikuti dengan Upacara Menaikkan Bendera disempurnakan oleh ahli-ahli pengakap dengan diiringi nyanyian Lagu Kebangsaan, 'Allah Peliharakan Sultan'.

Dengan adanya Upacara Menaikkan Bendera berkenaan diharap akan dapat memberi kesedaran kepada ahli-ahli pengakap agar sama-sama menaikkan bendera negara bagi memperingati dan memeriahkan sambutan hari kebesaran negara, iaitu Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.

PPPBD adakan Upacara Menaikkan Bendera Negara



PERSATUAN Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam di Ibu Pejabat PPPBD, Anggerek Desa.

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

ANGGEREK DESA, Rabu, 1 Julai. - Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena untuk menyemarakkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 di Ibu Pejabat PPPBD, Anggerek Desa, petang tadi.

Upacara Menaikkan Bendera tersebut diketuai oleh Penolong Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Amnah binti Haji Jublee yang mana turut melibatkan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir PPPBD.

Upacara Menaikkan Bendera NBD sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah merupakan salah satu daripada upacara tahunan yang melibatkan penyertaan PPPBD sekali gus bersama-sama menyemarakkan lagi sambutan berkenaan pada tahun ini.

MEMPERKUKUHKAN USAHA MELESTARIKAN BIODIVERSITI MARIN, PEMBANGUNAN BANDAR MAMPAN



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan semasa merasmikan Kem Musim Panas berkenaan.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

TUNGKU LINK, Rabu, 1 Julai. - Seramai 141 pelajar Sarjana Muda dari 36 universiti mewakili 10 negara di seluruh ASEAN dan Asia Timur kini berada di Negara Brunei Darussalam bagi menyertai Kem Musim Panas Universiti Brunei Darussalam (UBD)-Rangkaian Universiti ASEAN (AUN) 2026 kali ketiga (UBD-AUN Summer Camp 2026) yang dianjurkan oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Kem yang berlangsung dari 1 hingga 10 Julai 2026 itu mengetengahkan tema 'Tides of Tomorrow: Reimagining Coastal Cities' (Arus Masa Depan: Membayangkan Semula Bandar Pesisir).

Dalam ucapan yang disampaikan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad, menjelaskan bahawa tema berkenaan amat tepat pada masanya dan relevan.

Menurutnya, ketika peningkatan paras laut serta tekanan perubahan iklim terus memberi kesan kepada masyarakat di seluruh dunia, golongan belia perlu meneroka bagaimana sistem marin, reka bentuk dan perancangan bandar, inovasi serta kesihatan awam dapat digembleng bagi membina bandar pesisir yang berdaya tahan, inklusif dan mampan.

Dr. Awang Haji Azman menambah, isu berkenaan bukan sahaja melibatkan kebimbangan terhadap alam sekitar, malah turut menjadi keutamaan sosial, ekonomi dan pendidikan yang memerlukan kefahaman bersama serta tindakan kolektif.

Dr. Awang Haji Azman turut memuji penganjur Kem Musim Panas UBD-AUN kerana memilih tema yang secara langsung memberi respons terhadap cabaran semasa.

Katanya, melalui pendekatan multidisiplin, program berkenaan menghimpunkan sains alam sekitar, pemuliharaan marin, teknologi dan pembangunan mampan bagi membantu peserta memahami hubungan kompleks antara manusia, bandar dan alam semula jadi.

Tambah Dr. Awang Haji Azman, bagi Kementerian Pendidikan, program seperti Kem Musim Panas UBD-AUN mencerminkan kepentingan pengantarabangsaan, pembelajaran berasaskan pengalaman serta kelestarian dalam pendidikan tinggi.

Program tersebut, jelas beliau, menyediakan pendedahan rentas budaya kepada pelajar, memupuk kemahiran penyelesaian masalah secara kolaboratif serta memperkukuhkan rasa tanggungjawab bersama dalam menangani cabaran serantau dan global.

Menurutnya lagi, ciri-ciri berkenaan amat penting dalam melahirkan graduan masa depan, pemimpin dan agen perubahan di ASEAN dan seterusnya.

Sepanjang 10 hari program berlangsung, para peserta akan mengikuti bengkel, kuliah, aktiviti reka bentuk dan lawatan tapak yang menawarkan pendedahan secara langsung kepada cabaran kelestarian dunia sebenar, termasuk penjagaan alam sekitar, tanggungjawab sosial dan pembangunan bandar.

Sesi berkenaan turut disokong dengan perkongsian pakar mengenai biodiversiti, inovasi, dialog dasar dan pemuliharaan warisan.

Dalam mengakhiri ucapannya, beliau menyatakan keyakinan bahawa ilmu, pengalaman dan jaringan yang diperoleh sepanjang program tersebut akan melangkaui tempoh 10 hari pelaksanaannya.

Katanya, pengalaman itu akan

meluaskan perspektif peserta, memperkayakan pembangunan peribadi dan profesional mereka serta mengukuhkan komitmen terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman, kerjasama serantau dan kelestarian.

Majlis perasmian Kem Musim Panas berkenaan telah diadakan petang tadi di Pro Chancellor Arts Centre, UBD.

Program berkenaan bertujuan melengkapkan pemimpin masa depan dengan pemikiran kritis, minda kolaboratif dan nilai kelestarian bagi menangani cabaran urbanisasi pesat, perubahan iklim serta kemajuan teknologi.

Sepanjang program, para peserta akan menyertai kuliah pakar, bengkel, lawatan lapangan dan projek berkumpulan yang memberi pendedahan praktikal kepada cabaran kelestarian dunia sebenar, di samping memperkukuhkan persefahaman antara budaya, kerjasama serantau dan persahabatan yang berkekalan.

Berteraskan konsep kelestarian lautan, pemuliharaan pesisir dan 'Blue Urbanism', program ini meneroka tema penjagaan alam sekitar, pembangunan bandar

mampan, biodiversiti marin, inovasi, dialog dasar serta pemuliharaan warisan budaya.

Para peserta juga akan mengambil bahagian dalam Future Ocean Changemakers Youth Forum, sebuah platform yang membolehkan pelajar bertukar pandangan bersama pakar, membincangkan cabaran serantau serta membangunkan inisiatif diterajui belia ke arah masa depan pesisir yang lebih mampan.

Kem Musim Panas UBD-AUN merupakan salah satu daripada 10 Kem Musim Panas AUN yang dianjurkan oleh universiti ahli ASEAN University Network di seluruh rantau ini pada tahun 2026.

Program-program berkenaan secara kolektif bertujuan memupuk pemimpin masa depan dengan memperkukuh kemahiran kepimpinan dan insaniah, di samping menggalakkan persefahaman antara budaya serta kerjasama serantau dalam kalangan pelajar universiti.

Sebagai ahli pengasas AUN sejak 1995, UBD terus komited dalam memajukan kerjasama serantau dalam pendidikan tinggi melalui kolaborasi akademik, mobiliti pelajar dan pertukaran ilmu.



PROGRAM tersebut bertujuan melengkapkan pemimpin masa depan dengan pemikiran kritis, minda kolaboratif dan nilai kelestarian bagi menangani cabaran urbanisasi pesat, perubahan iklim serta kemajuan teknologi.

Majlis Perpisahan bagi delegasi Republik Korea



Oleh : Noorati Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Khamis, 2 Julai. - Seramai 15 orang delegasi dari Republik Korea hari ini diraikan pada Majlis Perpisahan bagi Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Korea 2026 yang diadakan selama 10 hari bermula pada 24 Jun hingga 3 Julai 2026.

Majlis yang dianjurkan oleh

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) tersebut diadakan di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir ialah Duta Besar

Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke NBD, Tuan Yang Terutama Sun Nahmkook, pegawai-pegawai kanan kerajaan, sektor swasta dan institusi pengajian tinggi.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh alumni peserta Program Pertukaran Belia NBD dan Republik Korea 2023, Awang Muhammad 'Arief Zuhairi Chia bin

Abdullah Syihab dan diikuti dengan ucapan daripada Ketua Delegasi, Jang Honam.

Pada majlis itu diserikan dengan tayangan video di sepanjang program diadakan, disusuli dengan persembahan kebudayaan daripada delegasi Republik Korea.

Pada akhir majlis, tetamu kehormat juga menyempurnakan penyampaian sijil dan cenderamata kepada delegasi program.

SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perpisahan bagi Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea 2026.

Program Pertukaran Belia NBD dan Republik Korea merupakan salah satu daripada program di bawah perjanjian kerjasama atau Arrangement on Cooperation on Youth Matters yang telah dimeterai di antara kedua buah kerajaan dan telah dipersetujui pada 10 Februari 2010.

Program tersebut dianjurkan secara kerjasama oleh Korea Youth Work Agency dan Ministry of Gender, Equality and Family, Republik Korea dan KKBS yang bertujuan antara lain untuk menjalin persahabatan dan persefahaman muhibah di kalangan belia-belia kedua buah negara dalam suasana harmoni dan setia kawan melalui interaksi yang sihat selain dapat berkongsi dan bertukar pandangan dan pengalaman berguna dari sudut sosioekonomi, sosiopolitik, adat resam dan kebudayaan termasuk bahasa.

MEMACU PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN, INOVASI MELALUI KERJASAMA STRATEGIK



MENANDATANGANI bagi pihak UTB ialah Naib Canselor UTB manakala Berjaya Sdn. Bhd. diwakili oleh pengarahnya, Chieng Sin Kui.

TUNGKU LINK, Khamis, 2 Julai. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Berjaya Sendirian Berhad, pengedar sah kenderaan GWM (Great Wall Motor) di Negara Brunei Darussalam, terus memperkukuh kerjasama strategik menerusi pemeteraian Memorandum Perjanjian Tambahan (Supplementary Memorandum of Agreement - MoA) yang berlangsung di Bilik Persidangan Utama, UTB.

Menandatangani bagi pihak UTB ialah Naib Canselor UTB,

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, manakala Berjaya Sdn. Bhd. diwakili oleh pengarahnya, Chieng Sin Kui.

Turut menyaksikan majlis tersebut ialah Pemangku Pendaftar dan Setiausaha UTB, Elizah binti Mas Radin Ismail, serta Ketua Jualan Kanan Berjaya Sdn. Bhd., Chin Kee Lee.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat sebelum diteruskan dengan pemeteraian MoA Tambahan berkenaan.

Memorandum Perjanjian Tambahan itu merupakan kesinambungan kepada Memorandum Perjanjian yang dimeterai pada 17 September 2024 bagi menjayakan kerjasama penyelidikan di bawah Centre for Transport Research (CfTR) mengenai kebolehlaksanaan stesen pengecasan Kenderaan Elektrik (EV) berkuasa tenaga solar Fotovolta (PV).

Fasa baharu penyelidikan ini melibatkan penggunaan model kenderaan yang berbeza, teknologi Kenderaan Elektrik Hibrid (Hybrid Electric Vehicle - HEV), skop penyelidikan yang diperluaskan serta tempoh kajian yang disemak semula, sekali gus mendorong kedua-dua pihak

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Teknologi Brunei

memeterai perjanjian tambahan tersebut.

Di bawah perjanjian berkenaan, UTB akan melaksanakan kajian penyelidikan jangka pendek menggunakan sebuah kenderaan GWM Haval H6 FL HEV yang disediakan oleh Berjaya Sdn. Bhd.

Kajian tersebut bertujuan menilai prestasi sebenar kenderaan berkenaan dalam keadaan pemanduan di Negara Brunei Darussalam melalui pengumpulan dan analisis data meliputi jarak perjalanan, penggunaan petrol, kecekapan bahan api, jumlah jarak pemanduan, corak pemanduan serta prestasi keseluruhan kenderaan.

Hasil penyelidikan dijangka menyumbang kepada perkembangan ilmu akademik selain meningkatkan pemahaman orang ramai mengenai teknologi kenderaan elektrik hibrid melalui

dapatan berasaskan bukti berkaitan prestasi, kecekapan dan kesesuaiannya dalam keadaan operasi tempatan.

Di samping itu, kajian tersebut dijangka menyediakan data yang bernilai bagi menyokong inisiatif serta perbincangan dasar berkaitan pengangkutan mampan, kecekapan tenaga dan mobiliti rendah karbon di Negara Brunei Darussalam.

Kerjasama ini mencerminkan komitmen berterusan UTB dalam memperkukuh hubungan strategik dengan pihak industri bagi memacu penyelidikan, inovasi dan pembangunan mampan. Melalui gabungan kepakaran akademik dan pengalaman industri, inisiatif ini turut mengukuhkan peranan UTB dalam menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi yang menyokong keutamaan negara serta usaha peralihan ke arah sistem mobiliti yang lebih hijau dan lestari.

Agrodynamics, WMC meterai kerjasama perkukuh sektor pertanian negara

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



AGRODYNAMICS Intl (B) Sdn. Bhd. (Agrodynamics) dan Wasan Milling Company Sdn. Bhd. memeterai satu Memorandum Perjanjian yang diadakan di Dewan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (atas dan bawah).

BERIBI, Khamis, 2 Julai. - Agrodynamics Intl (B) Sdn. Bhd. (Agrodynamics) dan Wasan Milling Company Sdn. Bhd. (WMC) telah memeterai satu Memorandum Perjanjian (MoA) sebagai langkah strategik ke arah memperkukuh pembangunan sektor pertanian

negara, khususnya dalam meningkatkan produktiviti industri penanaman padi melalui penggunaan baja cecair keluaran tempatan.

Majlis tersebut turut mendapat sokongan penuh melalui kolaborasi strategik bersama

Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB) dalam usaha memperkukuh kerjasama antara sektor swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan perniagaan tempatan bagi menyokong agenda keselamatan makanan serta pembangunan ekonomi negara.

Majlis Penandatanganan MoA tersebut berlangsung di Dewan DPPMB, di sini.

Pada majlis itu, menandatangani bagi pihak WMC, ialah Pengurus Am, Awang Saidin bin Namit, dan Pengurus Operasi, Awang Hasrul A. Haji Ansanawi sebagai saksi.

Sementara itu, bagi pihak Agrodynamics ditandatangani oleh Pengurus Am, Awang Muhd. Izan Azwan bin Awang Yahya juga merupakan salah seorang Ahli DPPMB.

Manakala Yang Dipertua DPPMB, Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad juga turut menandatangani perjanjian tersebut sebagai saksi bagi menunjukkan sokongan penuh terhadap usaha daripada Ahli DPPMB.

Melalui perjanjian itu, WMC akan mendapatkan bekalan baja cecair, DynamicsGrow, keluaran Brunei bagi kegunaan tanaman padi meliputi kawasan seluas 174 hektar untuk tempoh tiga musim penanaman.

Inisiatif tersebut mencerminkan keyakinan terhadap keupayaan produk pertanian tempatan yang dibangunkan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D), serta berpotensi meningkatkan hasil pengeluaran padi secara mampan.

Kerjasama berkenaan juga menjadi satu manifestasi komitmen kedua-dua organisasi dalam memperkukuh penggunaan produk tempatan, mengurangkan



Memartabatkan peranan tulisan Jawi



KOLEJ Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, mengukuhkan Muzakarah Mendaulatkan Tulisan Jawi di Negara Brunei Darussalam Kali Kedua di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti berkenaan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Julai. - Sebagai salah sebuah institusi yang mempunyai tanggungjawab besar dalam memartabatkan tulisan Jawi, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, mengukuhkan Muzakarah Mendaulatkan Tulisan Jawi di Negara Brunei Darussalam (NBD) Kali Kedua.

Muzakarah berlangsung di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti berkenaan.

Hadir ke muzarakah berkenaan, Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha.

Turut hadir, pegawai-pegawai Utama KUPU SB serta perwakilan dari pelbagai agensi kerajaan.

Muzakarah ini mencerminkan usaha proaktif dan berterusan pihak KUPU SB melalui Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath dalam mempergiat hubungan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan mahupun pihak-pihak yang berkepentingan dalam mendaulatkan tulisan Jawi.

Ia juga diharapkan akan menjadi wadah penting bagi memperkukuhkan peranan tulisan Jawi dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara di samping membentuk satu strategi yang menyeluruh dalam melestarikan tulisan Jawi sebagai warisan bangsa dan bahasa di NBD.

kebergantungan kepada input pertanian import, serta menyokong aspirasi negara dalam memperkasakan industri pertanian yang berdaya saing, inovatif dan mampan.

Agrodynamics merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada WMC atas kepercayaan yang diberikan, serta kepada DPPMB atas sokongan dan kerjasama strategik dalam

merealisasikan jalinan kerjasama ini.

Sehubungan dengan itu, MoA berkenaan diharap akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak kolaborasi yang mampu memperkukuhkan ekosistem pertanian negara dan membuka peluang baharu kepada produk keluaran tempatan untuk berkembang di peringkat tempatan dan antarabangsa.

84 MURID DARJAH VI DIRAI PADA MAJLIS KHATAM AL-QURAN



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

BERAKAS, Khamis, 2 Julai. - Dalam usaha memperkukuhkan pembelajaran serta penghayatan Al-Quran dalam kalangan murid, Sekolah Ugama Lambak Jalan Bedil petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi merayakan seramai 84 murid Darjah VI yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran. Peserta khatam terdiri daripada

49 murid lelaki dan 35 murid perempuan, melibatkan gabungan murid sesi pagi dan sesi petang. Majlis tersebut diadakan di dewan sekolah berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah

Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Acara diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti bacaan Takhtim oleh murid-murid Darjah IV dan V.

Seterusnya, Doa Khatam dibacakan oleh Awangku Yura Aariz Baasith bin Pengiran Haji Yura Adisatria, disusuli dengan persembahan dikir.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian sijil dan



SEKOLAH Ugama Lambak Jalan Bedil mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi merayakan seramai 84 murid Darjah VI yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran (kiri). Manakala gambar atas, majlis tersebut dihadiri oleh Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam selaku tetamu kehormat.

upacara merenjis minyak wangi kepada para peserta khatam yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, diiringi persembahan Dikir Marhaban.

Upacara tersebut turut disertai oleh ibu bapa dan penjaga para peserta khatam.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Tenaga Pengajar, Awang Mohd. Suhnoromardi bin Haji Suhaimi.

Penganjuran majlis ini adalah

selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi Al-Quran yang beriman, bertakwa dan berakhlak mulia melalui penguasaan serta penghayatan Al-Quran.

Di samping itu, majlis berkenaan turut mencerminkan komitmen Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memperkukuhkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Membangun industri perikanan moden, berdaya saing

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad



BELAIT, Khamis, 2 Julai. - Sektor perikanan merupakan antara sektor penting dalam menjamin sekuriti makanan negara dan menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi.

Selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan Dasar Sekuriti Makanan Negara, Jabatan Perikanan terus komited membangunkan industri perikanan yang moden, berdaya saing dan mampan, demi memastikan bekalan makanan laut yang mencukupi serta meningkatkan kesejahteraan komuniti nelayan.

Perkara ini ditekankan oleh Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Acara Hari Nelayan anjuran Jabatan Perikanan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan Poni Group Sdn. Bhd., yang berlangsung di bangunan MPABD, Kuala Belait.

"Alhamdulillah, perairan Brunei Darussalam masih dikurniakan ekosistem marin yang sihat dan sumber perikanan yang kaya. Lebih 70 peratus pengeluaran

perikanan negara masih disumbangkan oleh sektor penangkapan ikan," jelas Dayang Hajah Wanidawati.

Jelasnya lagi, pada tahun 2025, nilai keluaran kasar industri penangkapan ikan turut meningkat kepada BND139.17 juta berbanding BND131.93 juta pada tahun sebelumnya.

Pencapaian tersebut tekannya lagi mencerminkan usaha berterusan kerajaan bersama komuniti nelayan dalam memperkukuh industri ini.

"Jabatan Perikanan telah melaksanakan beberapa inisiatif, antaranya memperluaskan kawasan penangkapan ikan bagi nelayan kecil-kecilan di Zon 1 daripada 0 hingga 7 batu nautika, serta memperkayakan sumber ikan melalui pelabuhan takat-takat tiruan sebagai kawasan alternatif penangkapan ikan. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan produktiviti nelayan di samping memastikan sumber perikanan terus terpelihara," jelasnya.

Acara Hari Nelayan tambahannya, merupakan platform penting untuk memperkukuh hubungan antara kerajaan dan komuniti nelayan melalui perkongsian ilmu, peningkatan

kemahiran dan pendedahan kepada teknologi serta perkhidmatan baharu.

Menurutnya, para peserta akan mengikuti pelbagai taklimat dan pameran berkaitan pengurusan sumber perikanan, keselamatan di laut, penggunaan sistem Fisheries Integrated National System (FINS), padanan perniagaan serta teknologi dan peralatan penangkapan ikan.

Jabatan Perikanan jelasnya, akan terus komited memperkasa komuniti nelayan melalui pembangunan kapasiti, latihan, penggunaan teknologi moden dan pelaksanaan dasar yang menyokong industri perikanan yang mampan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara Hari Nelayan ini ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amiroi Hafidzin bin Haji Muhammad.

Program tersebut merupakan salah satu aktiviti sampingan bersempena Brunei Darussalam Expedition And Conference on Sustaining Our Oceans: Innovation, Governance And Resilience For A Blue Future yang telah diadakan pada bulan Mei dan Jun 2026.

Sementara itu, Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman dalam ucapamannya menegaskan kepentingan pematuan terhadap peraturan keselamatan maritim dan langkah-langkah keselamatan semasa menjalankan aktiviti penangkapan ikan.

Program yang menghimpunkan para nelayan tempatan serta pihak-pihak berkepentingan dalam sektor perikanan ini diadakan sebagai satu inisiatif untuk mengiktiraf dan menghargai jasa serta sumbangan para nelayan dalam memajukan dan memperkukuhkan sektor perikanan negara.

Sambutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan komuniti nelayan mengenai kepentingan pematuan terhadap peraturan



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu kehormat pada acara Hari Nelayan berkenaan (kiri dan atas).

dan undang-undang perikanan yang berkuat kuasa, termasuk penguatkuasaan peraturan saiz tangkapan bagi udang bakara dan ketam serta isu peralatan menangkap ikan yang terbiar, hilang atau dibuang (Abandoned, Lost or Discarded Fishing Gear - ALDFG), yang boleh menjelaskan kelestarian sumber perikanan dan ekosistem marin.

Sejajar dengan objektif tersebut, sambutan ini menampilkan beberapa sesi taklimat yang merangkumi aspek pengurusan dan penguatkuasaan perikanan, termasuk taklimat mengenai penguatkuasaan peraturan saiz minima tangkapan bagi udang bakara dan ketam yang disampaikan oleh wakil dari Jabatan Perikanan.

Program ini turut memberi penekanan kepada aspek pelesenan perikanan dan penguatkuasaan yang berkaitan bagi memastikan aktiviti perikanan dijalankan secara teratur, bertanggungjawab dan selaras dengan peruntukan undang-undang yang ditetapkan di dalam Akta Perikanan,

Penggal 61.

Selain itu, para peserta turut diberikan taklimat mengenai keselamatan asas kehidupan di laut dan kepentingan mematuhi zon-zon keselamatan yang ditetapkan di bawah MPABD.

Inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuhkan kesedaran mengenai keselamatan di laut demi menjamin kesejahteraan dan keselamatan para nelayan semasa menjalankan aktiviti penangkapan ikan.

Sebagai tanda penghargaan kepada para nelayan tempatan atas sumbangan mereka kepada industri perikanan negara, peralatan keselamatan asas seperti jaket keselamatan turut disampaikan kepada para nelayan yang hadir.

Melalui penganjuran Sambutan Hari Nelayan 2026, para nelayan akan terus mengamalkan aktiviti perikanan yang bertanggungjawab, mematuhi peraturan yang ditetapkan serta mengutamakan keselamatan ketika berada di laut demi memastikan kelestarian industri perikanan negara untuk generasi akan datang.

SM Sayyidina Husain raikan pelajar cemerlang



SESI bergambar ramai pada majlis tersebut yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Husain (SM Sayyidina Husain).

guru-guru mata pelajaran yang berjaya meningkatkan peratus kredit dalam peperiksaan SPE 2025 serta GCE 'O' Level dan IGCSE 2025 menerima penghargaan khas. Guru-guru yang membimbing pelajar memperoleh keputusan A* juga diraikan sebagai pengiktirafan terhadap komitmen mereka dalam memastikan kecemerlangan akademik terus dipertingkatkan.

Selain meraikan kejayaan akademik, majlis berkenaan turut menjadi platform untuk menghargai usaha bersama warga sekolah dalam membentuk pelajar yang berilmu, berakhlak dan berwawasan selaras dengan visi sekolah, 'Sekolah Berkaliber Melahirkan Pelajar Syumul'.

Majlis diakhiri dengan pengumuman penerima anugerah-anugerah khas, bacaan Doa Selamat serta sesi bergambar ramai sebagai simbol penghargaan kepada semua penerima anugerah dan warga sekolah yang telah menyumbang ke arah kecemerlangan SM Sayyidina Husain.

Oleh : Ihsan Abdul Aziz Pandin

Foto : Ihsan Abdul Aziz Pandin, Amir Hasan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Julai. - Sekolah Menengah Sayyidina Husain (SM Sayyidina Husain) telah mengadakan Majlis Anugerah Penuntut Cemerlang bagi Peperiksaan GCE 'O' Level, IGCSE, BTEC dan Pra-Vokasional Sesi 2025 bagi meraikan pencapaian akademik cemerlang para pelajar serta menghargai dedikasi guru-guru dalam

meningkatkan prestasi sekolah.

Majlis yang berlangsung di dewan sekolah itu diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Pengarah Pendidikan Teknikal dan Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli. Turut hadir ialah Pengetua SM Sayyidina Husain, Dayang Nor'izzah binti Haji Othman, para pegawai

Kementerian Pendidikan, ibu bapa, guru-guru serta pelajar.

Majlis dimulakan dengan perarakan masuk para penerima anugerah, diikuti nyanyian Lagu Kebangsaan dan lagu sekolah, bacaan Surah Al-Fatihah, bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran serta ucapan alu-aluan oleh pengetua sekolah. Turut dipersembahkan ialah tayangan video khas 'Down Memory Lane' yang mengimbuai kenangan dan pencapaian kohort pelajar 2025.

Kemuncak majlis menyaksikan

penyampaian sijil dan hadiah kepada 52 pelajar yang berjaya memperoleh 5 kredit dan ke atas dalam peperiksaan GCE 'O' Level dan IGCSE 2025. Selain itu, penghargaan turut diberikan kepada pelajar yang memperoleh keputusan A* dalam mata pelajaran masing-masing, seramai 13 pelajar penerima anugerah BTEC serta empat pelajar Pra-Vokasional yang menunjukkan prestasi cemerlang.

Majlis turut mengiktiraf usaha gigih para pendidik apabila

MEMPERKUKUH KERJASAMA EKONOMI, SEKTOR PELANCONGAN, INDUSTRI HALAL

Oleh : Muhammad Aiman Hamzah, Muhammad Ali Norhadi
Abdullah Mohammad Noh

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



GADONG, Rabu, 1 Julai. - Seminar BIMP-EAGA Seminar on Halal Food & Services in Tourism Operational Best Practices menjadi platform penting dalam

memperkukuh kerjasama serantau bagi meningkatkan standard makanan dan perkhidmatan halal dalam industri pelancongan, sekaligus memperluas peluang ekonomi

di rantau BIMP-EAGA.

Seminar yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ini diadakan di Rizqun International Hotel dan dihadiri oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Salinah binti Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir, Penolong Rektor UNISSA, Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad; Dekan Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan, UNISSA, Datin Hajah Norliza binti Dato Seri Setia Haji Mahalle; wakil-wakil daripada Ahli BIMP-EAGA, para pembentang dan delegasi daripada Negara Brunei Darussalam (NBD), Indonesia, Malaysia dan Filipina.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Ugama UNISSA, Pengiran Mohammad Daud bin Pengiran Metassan, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Dalam ucapan beliau menyatakan bahawa pasaran pelancongan Muslim global terus berkembang dan ini membuka peluang yang besar kepada destinasi-destinasi di seluruh rantau BIMP-EAGA.

"Bagi NBD, amalan halal telah diterapkan dalam pelbagai aspek sektor pelancongan dan hospitaliti

kami. Kesan perkhidmatan makanan halal melangkaui sektor pelancongan itu sendiri.

"Amalan operasi yang kukuh mewujudkan peluang kepada restoran tempatan, syarikat katering, pengeluar makanan, petani dan perusahaan komuniti. Ia mengukuhkan rantaian bekalan domestik, menggalakkan keusahawanan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang lebih mampan," jelasnya.

Seminar diteruskan dengan sesi pembentangan utama bertajuk, 'The Future of Halal Food Services in Global Tourism : Trends, Challenges, and Opportunities' telah disampaikan oleh Profesor Dr. Ahmad Puad Mat Som dari Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Lestari, UNISSA.

Pembentangan ini menegenakkan perkembangan masa hadapan perkhidmatan makanan halal dalam industri pelancongan global, termasuk trend semasa, cabaran serta peluang yang boleh dimanfaatkan bagi memperkukuhkan kedudukan pelancongan mesra halal.

Sementara itu, pembentangan bertajuk 'The Growing Importance of Halal-Friendly Tourism in Visitor Experience in Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pegawai Pelancongan Kanan, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Dayangku Hajah Amanina Syazwani binti Pengiran Haji Aliudin menekankan kepentingan menyediakan pengalaman pelancongan yang memenuhi keperluan pelawat melalui pendekatan mesra halal, sekali gus meningkatkan daya tarikan NBD sebagai destinasi pelancongan yang berteraskan nilai Islam dan hospitaliti.

Seminar turut menyaksikan sesi perbincangan bertajuk, 'Challenges and Opportunities in



PEMANGKU Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Salinah binti Haji Mohd. Salleh semasa berucap.

Developing Halal-Friendly Tourism' yang membincangkan cabaran praktikal serta peluang dalam membangunkan perkhidmatan pelancongan mesra halal di destinasi berbeza.

Sesi tersebut melibatkan wakil daripada NBD, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina serta dikendalikan oleh Profesor Dr. Hamzah bin Mohd. Salleh dari UNISSA selaku moderator.

Seminar ini mencerminkan komitmen Negara-negara BIMP-EAGA dalam memperkukuh kerjasama ekonomi melalui pembangunan sektor pelancongan yang lebih inklusif, berdaya tahan dan mampan, selaras dengan matlamat meningkatkan perdagangan, pelaburan dan pelancongan di rantau berkenaan.

Inisiatif tersebut juga selaras dengan aspirasi BIMP-EAGA untuk memperkukuhkan kerjasama ekonomi melalui pembangunan sektor pelancongan dan industri halal, yang dikenal pasti sebagai antara bidang pertumbuhan utama di rantau berkenaan.



SEKITAR Seminar BIMP-EAGA Seminar on Halal Food & Services in Tourism Operational Best Practices yang berlangsung di Rizqun International Hotel (kiri dan atas kiri).



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

1. Bilangan Sebut Harga:
(60) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk:

Jemputan Bagi Pakej Persembahan Pentarama Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80, Tahun 2026

2. Bilangan Sebut Harga:
(61) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk:

Jemputan Bagi Persembahan Drama Untuk Program Pentarama Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80, Tahun 2026

3. Bilangan Sebut Harga:
(62) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk:

Jemputan Bagi Persembahan Lawak Jenaka Untuk Program Pentarama Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80, Tahun 2026

4. Bilangan Sebut Harga:
(63) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk:

Jemputan Pakej Perkhidmatan Bagi Pembesar Suara (PA System) Dan Pencahayaan (Lighting) Untuk Program Pentarama Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80, Tahun 2026

Yuran:

Dikenakan Yuran Lima Dolar Brunei (BND5.00)

Tarikh Tutup:
Khamis,
9 Julai 2026
Jam 8.00 Pagi

Bilangan Sebut Harga:
(57) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga :
Dismantle Defected SPD, Supply And Install New Unit For Essential DB C/W All Necessary Accessories With Testing.

Yuran :

Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Khamis,
9 Julai 2026
Sebelum Jam 8.00 Pagi



Bilangan Sebut Harga:
(54) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Janitorial And Cleaning Services For Information Department, Prime Minister's Office For One (1) Year.

Yuran:

BND5.00
(Tunai Dan Tidak Dikembalikan).

Tarikh Tutup:
Khamis,
9 Julai 2026
Sebelum Jam 8.00 Pagi



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
MFA / SEC / 009 / 2026

Tajuk Sebut Harga:

Production Of Emergency Exit Safety & Evacuation Video At Annex Building, Ministry Of Foreign Affairs, Subok

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
8 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN]

**Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Sebut Harga:
11 / MEI / KKBS / BKBN / 1.40 / 26.

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Washing Machine Dan Dryer Machine Bagi Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara

Tarikh Tutup:
Khamis, 9 Julai 2026



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

Jalan Tungku Link, Jalan Gadong.
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
14 April 2026

Kes No.
BCY / CP / 22 / 2026

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad**
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

JD1 – Kuan Kim Jok
BPIC NO. 30-087154

JD2 – Kuan Ming Onn
BPIC NO. 30-104938
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **JD1 dan JD2 - 14 Mei 2026.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:

JD1 – Kuan Kim Jok
JD2 – Kuan Ming Onn
No. 13. Simpang 100-6-1,
Kampung Pengkalan,



perkara di atas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8),
Mahkamah Besar pada 2 Julai
2026 jam 10.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **2 Julai 2026 jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
21 Mei 2026

**Muhammad Syafiq Bin
Awang Haji Zakaria**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 29 / 2026

P B.T. Forwarding Snd Bhd
[RC20001745]
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Chin Ai Mee
[Trading under the name and style of Synergia Company (P00085049)]
BYIC NO. 00-288022
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 14 Mei 2026.

Nama dan alamat terakhir diketahui:
Chin Ai Mee

[Trading under the name and style of Synergia Company (P00085049)]
LTS 4443, Simpang 292-82,
Jalan Sungai Teraban,
Kampung Sungai Teraban,
Kuala Belait. KA 3331.
Brunei Darussalam


**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
>> Muka 21
Tarikh Petisyen:
17 Mac 2026

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Bertarikh:
19 Mei 2026

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **14 Mei 2026.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9), Mahkamah Besar pada 24 Jun 2026 jam 11.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **24 Jun 2026 jam 11.00 pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
19 Mei 2026

Raihan Nabilah Binti Haji Ahmad Ghazali

Timbalan Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 282 / 2025
Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Mohd Azri Bin Tengah
[BYIC No. 01-063609]
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan
Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 2 April 2026.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Mohd Azri Bin Tengah
No. 49-A, Jeti 5,
Kg Sungai Bunga, BD3317,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
7 Februari 2026

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Bertarikh:
13 Mei 2026

Nur Sariy Syahmina Binti Jaffri

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Resmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 17 / 2026
Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei

Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Hasdah Binti Maidin
BYIC No. 00-127352
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan
Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **9 Mei 2026.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Hasdah Binti Maidin
No. 16, Spg. 46-12-17,
STKRJ Kg. Lumapas, 'A', BJ3324,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
2 April 2026

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Bertarikh:
19 Mei 2026

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **9 Mei 2026.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 21 Julai 2026 jam 9:45 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **21 Julai 2026, Jam 9:45 pagi, di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan

juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
19 Mei 2026

Kes No.
BCY / CP / 9 / 2007
Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

Pemiutang Penghakiman

Pg Norlehawati Binti Pg Damit (Deceased)

BYIC No. 00-273494
Penghutang Penghakiman

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 12 Mei 2007 telah dibatalkan pada **9 Mei 2026.**

Nama Penghutang:
Pg Norlehawati binti Pg Damit
(Deceased)

Alamat Penghutang:
No. 15, Simpang 51-17-5-6,
STKRJ Kampung Rimba,
Brunei Darussalam.

Bertarikh:
19 Mei 2026

Kes No.
BCY / CP / 477 / 2012

Baiduri Finance Berhad
(previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)
Pemiutang Penghakiman

Mosdi Bin Sinapang
BYIC No. 00-256033
Penghutang Penghakiman

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 25 Januari 2014 telah dibatalkan pada **9 Mei 2026.**

Nama Penghutang:
Mosdi bin Sinapang

Alamat Penghutang:
No. 8, Simpang 930,
Kg. Nong Anggeh, Ukong,
Tutong, TF1947,
Brunei Darussalam.

Bertarikh:
19 Mei 2026

Nurul Hidayah Binti Hamdan
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
b/p Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**
DI PELITA BRUNEI


IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 56 / 26 - 27

Contract For Cleaning And Grass
Cutting Services At RTB Belait
Branch For A Period Of
Twenty-Four (24) Months

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 57 / 26 - 27

Contract For Cleaning And Grass
Cutting Services At RTB Andulau
Transmitter Station For A Period
Of Twenty-Four (24) Months

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 58 / 26 - 27

Replacement And Installation Of
Compound Lighting At RTB
Sungai Akar Broadcasting
Complex

Bayaran Yuran:

BND5.00

(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas

(Hardcopy):

BND5.00

(Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Rabu,

8 Julai 2026

Jam 2.00 petang



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

1. JPt / SH / 34 / 2026 - 2027
Perkhidmatan Pengesahan
Rawatan Air Panas

2. JPt / SH / 35 / 2026 - 2027
Supply and Delivery Of
Laboratory Material For The
Implementation Of ISO 17025
Accreditation

3. JPt / SH / 36 / 2026 - 2027
To Repair Oxygen Gas Pipeline
System For Equipment Bomb
Calorimeter In Nutrition And
Toxicology Laboratory

4. JPt / SH / 37 / 2026 - 2027
Supply and Delivery of One (1)
Unit New Double Cab (4WD) For
The Department Of Agriculture
and Agrifood

5. JPt / SH / 38 / 2026 - 2027
Supply, Delivery, Installation and
Commissioning Of An
Antimicrobial Susceptibility Testing
(AST) System For Improvement
Of BSL-2 Antimicrobial Laboratory
Capacity

6. JPt / SH / 39 / 2026 - 2027
To Conduct General Cleaning
Services For One Year At
Veterinary Laboratory Building,
KKP Terunjing (November 2026
To October 2027)

7. JPt / SH / 40 / 2026 - 2027
Membekal dan Menghantar
Barang-Barang AM Simpanan
Stor Bagi Keperluan Jabatan
Pertanian dan Agrimakanan

Tarikh Tutup:

Khamis, 30 Julai 2026

Tidak lewat dari
jam 2.00 petang

Borang Sebut Harga:

BND7.00



JPt / TAW / 02 / 2026 - 2027:
Pemeliharaan Saliran Ladang

Bagi Kawasan Kemajuan

Pertanian Di Daerah

Brunei Muara Zone 'C'

Bagi Tempoh

Dua (2) Tahun.

Yuran Tawaran:

BND50.00

Borang Tawaran:

BND15.00

Tarikh Tutup:

Selasa,

4 Ogos 2026

Tidak lewat dari
jam 2.00 petang



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:

JBBSB / SH / 2026 – 2027 /
12 / SPPP / 01

Tajuk:

To Supply And Delivery The
Needs Of Traders And Visitors At
Bangunan Pasar Gadong, Jabatan
Bandaran Bandar Seri Begawan

Tarikh Tawaran:

Dari 22 Jun 2026

hingga 8 Julai 2026

Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis,

9 Julai 2026

Jam 2.00 Petang



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum
memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan
tidak memenuhi syarat
kelayakan skim iklan akan
ditolak.



1. Lengkapi Profil PSQR 2.0
(www.recruitment.gov.bn)

2. Lengkapi Kelulusan
(keputusan / pengkat serta subjek / bidang kelulusan)

3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap
(Sijil, transkrip dan pengkiran Tajuk Kelulusan Pengkiran Kelulusan
(PSQR) yang berkenaan)

4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Selaras"
di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5. Lengkapi Maklumat
(Jurnal / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan /
kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersetujui di dalam skim iklan)

+673 7371961

PSQR

queryspa.gov.bn

Talian Whatsapp:
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSQR

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	ARKITEK JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2026/JUN/01/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	03	7(A)	11 JULAI 2026
2.	RENJER HUTAN JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/JUN/01/KEPI	KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI	02	7(A)	11 JULAI 2026
3.	PENOLONG PENGARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA KEMENTERIAN PERTAHANAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2026/JUN/01/KPTH	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	11 JULAI 2026
4.	JURUMEKANIK ELEKTRIK JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN D.1-2 EB.3-4 (BAHAGIAN IV) 2026/JUN/01/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7 (A)	13 JULAI 2026

PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN
KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG
DIKLARAIKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2026 - 2027 / 08

Tajuk Tawaran:

Brunei Coffee Trail 2026 In
Kota Kinabalu, 4th - 6th
September 2026 At
Sabah International Expo

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,

7 Julai 2026

Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

JBT / S / 08 / 2026 - 2027

Kekosongan Ruang-Ruang Gerai

Makan Di Bangunan Milik

Jabatan Bandaran Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,

14 Julai 2026

Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
16 / BBS / SH / 2026 – 2027

(Non Refundable)

Keterangan Projek:

Cleaning Of Lower RC Perimeter
Fascia And Alucobond Fascia
Roof Top Level
Dewan Persidangan Kuala Belait,
Jalan Mckerron,
Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00



32 MURID DARJAH VI DIRAIKAN PADA MAJLIS KHATAM



SERUSOP, Rabu, 1 Julai. - Seramai 32 murid Darjah VI Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkih, Serusop diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan pagi tadi setelah berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran. Daripada jumlah tersebut, seramai 10 orang ialah murid lelaki, manakala 22 orang lagi ialah murid perempuan.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan ialah Pengarah Bahagian Pematuhan dan Antarabangsa (SHENA), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Noryasmin bin Haji Mohd. Noor.

Majlis dimulakan dengan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu khas majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam. Seterusnya, majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam yang disempurnakan oleh peserta khatam, Awang Muhd. Rayyan Mikael bin Haji Mohd. Mahadini.

Majlis kemudian menyaksikan penyampaian sijil serta upacara merenjis minyak wangi kepada para peserta khatam yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis, diiringi dengan persembahan Dikir Marhaban.

Upacara tersebut turut disertai oleh ibu bapa serta penjaga para peserta khatam. Majlis diakhiri

dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Tenaga Pengajar, Awang Haji Mayadi bin Haji Jais.

Penganjuran majlis ini merupakan usaha berterusan dalam menyokong hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi Al-Quran yang beriman, beramal dan bertakwa, di samping menjadikan Al-Quran sebagai panduan serta amalan dalam kehidupan seharian.

Dalam masa yang sama, majlis ini turut mencerminkan komitmen Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memperkukuhkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.



PENGARAH Bahagian Pematuhan dan Antarabangsa (SHENA), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Noryasmin bin Haji Mohd. Noor semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima (atas). Manakala gambar atas kiri, para murid Darjah VI yang diraikan.

Mentransformasikan industri pembinaan melalui peningkatan kerjasama

Siaran Akhbar dan Foto : PUJA Academy Sdn. Bhd.



SEMINAR berkenaan memberikan pendedahan yang bernilai mengenai penggunaan teknologi digital serta pelaksanaan aliran kerja BIM yang standard, sekali gus menyokong usaha berterusan Negara Brunei Darussalam dalam memperkasa transformasi digital dalam sektor persekitaran binaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Julai. - PUJA Academy Sdn. Bhd., dengan kerjasama Welflex Engineering, GStar Hawk3D dan GStarBIM telah menganjurkan seminar teknikal bertajuk 'Harnessing GstarBIM Technology : Digitalisation, Standardised Workflows and On-Site Practical Adoption for Brunei's Architecture, Engineering and Construction (AEC) Industries Practitioners' di Dewan Atria Simpung, Jabatan Kerja Raya.

Seminar tersebut telah menarik penyertaan lebih daripada 110 peserta yang terdiri daripada Ahli PUJA, pegawai kerajaan, kontraktor, perunding serta para profesional industri.

Seminar ini telah disampaikan oleh Pengurus Kanan Sokongan Teknikal di GStar Hawk3D dan Unit Perniagaan (BU) BIM GStarsoft, Yixiong Geng (Ethan), yang mempunyai kepakaran dalam Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Modelling - BIM), transformasi digital dan pembangunan ekosistem dalam Industri Seni Bina, Kejuruteraan dan Pembinaan (AEC).

Dengan pengalaman lebih sedekad dalam bidang kejuruteraan, Ethan telah menyokong pelaksanaan BIM berskala besar serta projek transformasi digital menerusi peranan beliau sebelum ini di Siemens dan Autodesk.

Seminar ini membincangkan peranan BIM yang semakin penting dalam mentransformasikan industri pembinaan melalui peningkatan kerjasama, aliran kerja digital dan penyampaian projek yang lebih berkesan.

Para peserta telah diperkenalkan kepada asas-asas BIM, amalan terbaik industri serta aplikasi praktikal teknologi GstarBIM. Sesi ini turut disusuli dengan latihan amali yang merangkumi pengendalian perisian, penyelarasan projek dan pengurusan aliran kerja.

Sesi tersebut telah memberikan pendedahan yang bernilai mengenai penggunaan teknologi digital serta pelaksanaan aliran kerja BIM yang standard, sekali gus menyokong usaha berterusan Negara Brunei Darussalam dalam memperkasa transformasi digital dalam sektor persekitaran binaan.

Seminar ini mencerminkan komitmen berterusan PUJA Academy dalam menyediakan program pembangunan profesional yang berkualiti tinggi bagi meningkatkan keupayaan teknikal serta menggalakkan inovasi dalam industri seni bina, kejuruteraan dan pembinaan.

Kunjungan hormat daripada delegasi Republik Korea

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Julai. - Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly hari ini menerima kunjungan hormat daripada 15 orang delegasi dari Republik Korea yang berumur antara 16 hingga 24 tahun. Majlis

berlangsung di Bilik Ayer Berkunci, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Perisian majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh alumni peserta Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam dan Republik

Korea 2023, Awang Muhammad 'Arief Zuhairi Chia bin Abdullah Syihab, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Belia dan Sukan dan ucapan daripada Ketua Rombongan Delegasi, Jang Honam.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada delegasi program yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.

Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea ini dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dengan kerjasama Korea Youth Work Agency dan Ministry of Gender Equality and Family. Delegasi Republik Korea berada di Negara Brunei Darussalam selama 10 hari bermula pada 24 Jun hingga 3 Julai 2026.

Program yang bertemakan 'AI-Ready Youth: Co-Creating a Sustainable Digital Future' ini diisikan dengan pelbagai aktiviti yang disusun, antaranya ialah lawatan ke institusi kerajaan, syarikat teknologi, pusat inovasi berkaitan Artificial Intelligence dan aktiviti pertukaran budaya serta program keluarga angkat (*homestay*) yang membolehkan peserta merasai kehidupan masyarakat tempatan, memahami budaya setempat dan mengeratkan hubungan antara rakyat kedua-dua negara.

PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly semasa menerima kunjungan hormat daripada delegasi Republik Korea (atas kiri dan kiri).



140 muallaf terima Sijil Skim Bimbingan Lanjutan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah



MAJLIS Penutup dan Penyampaian Sijil Skim Bimbingan Lanjutan I Muallaf Siri Ke-111 (Lelaki) dan Siri ke-112 (Perempuan) yang diadakan di Daerah Belait, Daerah Temburong dan Daerah Tutong (atas kanan, atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Julai. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dengan kerjasama Cawangan Da'wah Daerah-Daerah, hari ini mengadakan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Skim Bimbingan Lanjutan I Muallaf Siri Ke-111 (Lelaki) dan Siri ke-112 (Perempuan) secara serentak di keempat-empat daerah.

Di Daerah Belait, majlis diadakan di Dewan Teater, Pusat Pembelajaran dan Perkembangan

Kesihatan, Hospital Suri Seri Begawan Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, yang seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta.

Sementara itu, di Daerah Brunei dan Muara pula, majlis diadakan di Dewan Al-Mau'izhah, PDI, Kampung Pulaie.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Penolong Pengarah PDI, Pengiran Hajah

Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut, yang seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta.

Bagi Daerah Tutong pula, majlis diadakan di Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Penguasa Dakwah dan Tabligh, PDI, Awang Alizan bin Haji Ramle, yang seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta.

Manakala di Daerah Temburong, majlis diadakan di Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Hazimin bin Haji Metali, yang seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta.

Skim Bimbingan Lanjutan I Muallaf Siri Ke-111 (Lelaki) dan Siri Ke-112 (Perempuan) telah selesai dikendalikan selama 14 hari bermula 16 Jun 2026 hingga 2 Julai 2026, kecuali hari Ahad.

Seramai 140 orang peserta telah mengikuti skim tersebut. Daripada jumlah tersebut, seramai 48 orang adalah dari Daerah Brunei dan Muara, diikuti 44 orang dari Daerah Tutong, 31 orang dari Daerah Belait, dan 17 orang dari Daerah Temburong.

Skim tersebut bertujuan memberikan sokongan moral, spiritual dan psikologi kepada para muallaf, di samping membimbing mereka supaya lebih memahami, menghayati dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

Sepanjang skim berlangsung, para peserta telah mengikuti pelbagai mata pelajaran dan aktiviti, antaranya Iqra'; Tauhid I; Fiqh Solat I (termasuk sembahyang sunat, musafir dan sembahyang bagi pesakit); Fiqh Munakahat, Sejarah Islam I, Akhlak I, Amali I, Teori dan Praktikal Pengurusan dan Penyempurnaan Jenazah yang dikendalikan oleh penggapai daripada KHEU serta Sesi Kongsi Sama mengenai Isu Permasalahan



Rumah Tangga yang disampaikan oleh Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, KHEU.

PDI terus komited dalam memperkasa program bimbingan dan pendidikan kepada para muallaf bagi membantu mereka mendalami ilmu pengetahuan Islam serta mengukuhkan penghayatan

terhadap ajaran agama.

Sehubungan itu, para muallaf yang belum mengikuti Skim Bimbingan Muallaf anjuran PDI adalah dialu-alukan untuk mendaftar dengan mendapatkan borang pendaftaran di PDI, KHEU atau Pejabat Cawangan Da'wah di daerah masing-masing.



جائز فرانيغن ايكونومي دان ستاتيسٲك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"Boleh percaya kan tu?"

"Mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"Ok kan tu? Selamat kah jual bali cemani ani?"

"lawah? Banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

PERKASA KEMAHIRAN, MENGUKUHKAN BUDAYA BERTUTUR DALAM BAHASA ARAB



SEKITAR Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) yang diadakan di Sekolah Arab Belait (atas dan kanan).

BELAIT, Khamis, 2 Julai. - Bagi memupuk minat serta meningkatkan kemahiran dan mengukuhkan budaya bertutur dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah Arab, Sekolah Arab Belait pada pagi tadi

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Jabatan Pengajian Islam

menganjurkan Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) yang bertemakan 'Mencintai Sultan Sebahagian daripada Mencintai Negara'.

Program tersebut diadakan di Sekolah Arab Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu khas dan menyempurnakan perasmian program berkenaan ialah Penghulu Mukim Kuala Belait, Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti ucapan alu-aluan oleh Guru Besar Sekolah Arab Belait, Pengiran Hajah Masniah binti Pengiran Hussin.

Antara pengisian program ialah persembahan puisi dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris, pelancaran Buku Digital Dalili: Mursyid Al-Af'al Az-Zakiyyah, serta lawatan ke petak-petak permainan interaktif yang mengetengahkan pelbagai elemen kenegaraan, antaranya sejarah Kesultanan Brunei, makanan tradisi, alat muzik tradisional serta Sambutan Hari

Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Program Hayya Ilal 'Arabiyyah merupakan antara inisiatif Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang dikendalikan oleh sekolah-sekolah Arab

sempena Sambutan Bulan Bahasa Arab.

Program tersebut bertujuan memperkukuh penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar menerusi pendekatan yang interaktif dan menyeronokkan.

Di samping itu, ia turut menjadi platform praktikal bagi para pelajar mengaplikasikan penggunaan bahasa Arab dalam pelbagai aktiviti kokurikulum, sekali gus

meningkatkan keyakinan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut secara aktif.

Penganjuran program berkenaan turut menyokong usaha melahirkan pelajar yang bukan sahaja fasih berbahasa Arab, malah memiliki semangat patriotisme yang tinggi serta menghargai sejarah, budaya dan identiti Negara Brunei Darussalam.



OPERASI MULE BERJAYA MENAHAN 12 INDIVIDU



SELAIN dadah, BKN turut merampas pelbagai peralatan yang dipercayai digunakan untuk membungkus dadah, termasuk plastik lutsinar kecil, potongan straw, gunting dan alat penimbang digital, serta beberapa perkakas yang digunakan untuk penyalahgunaan dadah (kiri, kanan dan bawah kanan).



tangkapan berusia 28 dan 29 tahun dipercayai bertindak sebagai *runner* yang menawarkan perkhidmatan membawa masuk bekalan dadah dan barang tegahan lain ke negara ini. Kegiatan tersebut dipercayai dilakukan bagi memperoleh pendapatan sampingan atau imbuhan kewangan dengan cara mudah.

Kedua-dua individu berkenaan akan turut disiasat di bawah Seksyen 10, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27, atas kesalahan bersubahat melakukan kesalahan di bawah akta yang sama.

BKN menegaskan bahawa setiap individu yang terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah, sama ada sebagai pengedar mahupun penghantar (*runner*), merupakan sebahagian daripada rangkaian sindiket yang merosakkan kehidupan, menghancurkan institusi keluarga dan mengancam keselamatan negara.

Sehubungan itu, BKN memberi amaran bahawa tiada mana-mana individu yang terbabit dalam jenayah dadah akan terlepas daripada tindakan undang-undang, walaupun peranan mereka hanya sebagai penghantar atau *runner* dadah.



Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Julai. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) meneruskan Operasi Mule menerusi beberapa siri serbuan yang dijalankan dari 19 hingga 24 Jun 2026, dengan menyasarkan individu yang dipercayai terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah yang dikendalikan oleh dalang utama operasi berkenaan.

Operasi susulan tersebut membawa kepada penahanan 12 individu terdiri daripada warganegara tempatan berusia antara 29 hingga 67 tahun. Turut dirampas ialah 19.83 gram dadah jenis Syabu.

Selain dadah, BKN turut merampas pelbagai peralatan yang

dipercayai digunakan untuk membungkus dadah, termasuk plastik lutsinar kecil, potongan straw, gunting dan alat penimbang digital, serta beberapa perkakas yang digunakan untuk penyalahgunaan dadah.

Siasatan turut mendapati seorang daripada tangkapan yang berusia 53 tahun merupakan pelanggan utama kepada dalang Operasi Mule dan dipercayai telah bergiat aktif dalam kegiatan pengedaran dadah selama lebih 15 tahun. Individu tersebut pernah dijatuhi hukuman penjara selama 20 tahun serta 15 sebatan pada tahun 2002 atas kesalahan berkaitan dadah.

Dalam operasi sama, dua lagi

Mini Karnival Perikanan tampilkan produk perikanan tempatan berkualiti

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



MUARA, Jumaat, 3 Julai. - Mini Karnival Perikanan 2026 yang telah berlangsung selama empat hari di Kompleks Pendaratan Ikan Muara menjadi platform penting dalam mempromosi hasil serta produk perikanan tempatan kepada orang ramai, di samping memperkukuhkan jaringan kerjasama dalam industri perikanan negara.

Seramai 17 peserta dan pengusaha industri perikanan menyertai karnival tersebut yang telah bermula Khamis, 2 Julai hingga Ahad, 5 Julai 2026, terdiri

daripada 10 syarikat sektor pemprosesan, lima pengusaha sektor tangkapan dan dua pengusaha sektor akuakultur.

Turut memeriahkan karnival ialah dengan penyertaan daripada 35 vendor makanan dan minuman yang menyediakan pelbagai juadah kepada para pengunjung.

Penganjuran Mini Karnival Perikanan 2026 diadakan secara kolaborasi Jabatan Perikanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri bersama Muara International Fish

SEPANJANG mini karnival berkenaan, pengunjung berpeluang mendapatkan pelbagai hasil laut segar seperti ikan, udang, sotong dan ikan ternakan berkualiti tinggi (atas kiri dan atas).

Landing (MIFL) bertujuan untuk mempromosi serta memasarkan produk-produk perikanan tempatan daripada sektor tangkapan, akuakultur dan pemprosesan.

Selain membuka peluang kepada pengusaha rangkaian perniagaan, mini karnival ini juga diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepelbagaian hasil laut serta produk berasaskan perikanan yang dihasilkan di Negara Brunei

Darussalam.

Sepanjang mini karnival, pengunjung berpeluang mendapatkan pelbagai hasil laut segar seperti ikan, udang, sotong dan ikan ternakan berkualiti tinggi.

Bukan itu sahaja, jualan termasuk produk sejuk beku, produk nilai tambah seperti bebola ikan dan *fish cake*, keropok berasaskan makanan laut serta produk tradisional seperti belacan dan ikan masin. Kehadiran gerai-gerai makanan dan minuman

sudah pasti menambahkan lagi kemeriahan suasana sepanjang mini karnival berlangsung.

Setentunya dengan adanya mini karnival seumpama ini bukan sahaja membantu menjana perekonomian para peniaga malah memberikan kemudahan kepada para pengunjung untuk secara langsung mendapatkan dan membeli ikan-ikan, udang dan sebagainya yang segar berserta barangan lain dengan harga yang berpatutan.

INFO Teknologi



Memilih sistem pengendalian yang bersesuaian dengan cita rasa pengguna

Pendahuluan

DALAM era digital yang serba canggih ini, sistem pengendalian atau lebih dikenali sebagai 'Operating System' (OS) merupakan nadi kepada setiap peranti komputer, telefon pintar, dan tablet. Tanpa sistem pengendalian, peranti hanyalah sekumpulan cip logam dan plastik yang tidak berfungsi. Walau bagaimanapun, persoalan yang sering bermain di fikiran pengguna ialah : Sistem pengendalian manakah yang paling sesuai untuk saya? Jawapannya bukanlah semudah memilih yang paling popular atau paling murah, sebaliknya ia memerlukan pemahaman mendalam tentang cita rasa, keperluan, dan gaya hidup digital setiap individu.

Memahami cita rasa pengguna

Setiap pengguna mempunyai personaliti digital yang unik. Ada yang gemarkan kesederhanaan dan kemudahan, ada yang mendambakan kebebasan untuk mengotak-atik setiap sudut sistem, dan ada juga yang hanya inginkan kestabilan untuk menyelesaikan kerja tanpa gangguan. Justeru, langkah pertama dalam memilih sistem pengendalian adalah dengan mengenali diri sendiri. Tanyakan soalan-soalan seperti : Apakah tujuan utama saya menggunakan peranti ini? Adakah saya seorang pelajar, pekerja korporat, pereka grafik, atau sekadar pengguna biasa yang suka melayari Internet dan menonton video? Jawapan kepada soalan-soalan ini akan menjadi kompas yang membimbing kita ke arah pilihan yang tepat. Secara umumnya, ekosistem sistem pengendalian didominasi oleh tiga pemain utama :

Microsoft Windows, Apple macOS, dan Linux. Setiap satu mempunyai falsafah reka bentuk dan kelebihan tersendiri yang mampu memikat cita rasa pengguna yang berbeza.

Bagi pengguna yang mengutamakan fleksibiliti dan keserasian dengan pelbagai jenis perisian, sistem pengendalian Windows adalah pilihan yang paling praktikal. Sistem ini mendominasi pasaran komputer peribadi di seluruh dunia. Kelebihannya yang paling ketara ialah sokongan terhadap beribu-ribu aplikasi, terutamanya permainan video dan perisian perusahaan seperti Microsoft Office. Bagi pengguna yang mempunyai cita rasa 'serba guna', Windows menawarkan persekitaran yang mesra pengguna dengan antara muka grafik yang intuitif. Selain itu, kepelbagaian spesifikasi perkakasan yang menyokong Windows membolehkan pengguna memilih daripada komputer riba yang murah sehinggalah kepada stesen kerja yang berkuasa tinggi. Namun, kelemahan Windows ialah kerentanannya terhadap serangan virus dan keperluan untuk penyelenggaraan yang kerap, seperti pemasangan kemas kini dan pemacu peranti.

Di sisi lain, terdapat Apple macOS yang menjadi idaman pengguna yang menghargai estetika, kesederhanaan, dan integrasi yang lancar antara perkakasan dan perisian. Pengguna yang mempunyai cita rasa 'minimalis' dan 'kreatif' seringkali tertarik dengan sistem pengendalian Apple macOS kerana reka bentuknya yang elegan dan fokus kepada pengalaman pengguna yang bebas gangguan. Sistem ini terkenal dengan kestabilannya, kecekapan pengurusan tenaga, dan keselamatan yang

lebih kukuh berbanding Windows. Bagi para profesional dalam bidang reka bentuk grafik, penyuntingan video, dan penerbitan, macOS sering menjadi pilihan utama kerana prestasi optimum dengan perisian seperti Final Cut Pro dan Adobe Creative Suite. Namun, kekangan utama macOS ialah harganya yang premium dan perkakasan yang terhad hanya kepada produk Apple sahaja.

Bagi pengguna yang mempunyai jiwa 'eksplorasi' dan 'kebebasan', Linux adalah syurga. Linux bukan sekadar satu sistem pengendalian, tetapi sebuah falsafah sumber terbuka yang memberi pengguna kawalan penuh terhadap setiap aspek sistem. Pengguna boleh memilih daripada pelbagai 'distro' seperti Ubuntu, Fedora, atau Arch Linux, masing-masing dengan ciri-ciri yang unik. Linux sangat sesuai untuk pengaturcaraan, pentadbir sistem, dan mereka yang suka belajar secara mendalam tentang cara komputer berfungsi. Selain percuma dan selamat, Linux juga ringan dan boleh menghidupkan semula komputer lama yang sudah usang. Namun, cabaran utama Linux ialah keluk pembelajarannya yang curam, terutamanya bagi pengguna yang terbiasa dengan antara muka grafik dan tidak selesa menggunakan baris arahan.

Faktor-faktor penentu lain


Selain daripada ketiga-tiga platform utama ini, terdapat juga faktor-faktor sampingan yang mempengaruhi pilihan pengguna. Pertama, persekitaran sosial dan pekerjaan. Jika rakan sekerja atau institusi pendidikan menggunakan sistem tertentu, sudah tentu lebih mudah untuk mengikut arus bagi memudahkan perkongsian fail dan

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

kerjasama. Kedua, bajet dan kos tersembunyi. Walaupun Windows dan macOS memerlukan lesen yang berbayar, Linux adalah percuma. Namun, kos hendaklah dilihat secara menyeluruh termasuk kos perkakasan, perisian aplikasi, dan kos masa untuk belajar sistem baharu. Ketiga, keperluan perisian khusus. Sesetengah perisian profesional hanya berfungsi pada satu platform sahaja. Contohnya, perisian jurutera seperti AutoCAD lebih mantap di Windows, manakala aplikasi seperti Logic Pro hanya wujud di macOS.

Kesimpulan

Pada hakikatnya, tidak ada sistem pengendalian yang 'terbaik' secara mutlak, yang ada hanyalah sistem yang 'paling sesuai'. Cita rasa pengguna adalah subjektif dan dinamik. Mungkin pada hari ini awda lebih gemar akan kemudahan Windows, tetapi pada masa hadapan awda mungkin tertarik dengan kestabilan macOS atau kebebasan Linux. Yang penting ialah keberanian untuk mencuba dan menilai sendiri keselesaan serta produktiviti yang ditawarkan oleh setiap sistem. Akhir kata, pilihlah sistem pengendalian yang bukan sahaja memenuhi keperluan teknikal awda, tetapi juga menyelarakan hati dan gaya hidup digital awda. Kerana pada penghujungnya, teknologi yang baik adalah teknologi yang tidak awda sedari kehadirannya, tetapi sentiasa membantu awda mencapai matlamat dengan lancar dan menyeronokkan.





Beri tumpuan sepenuhnya ketika memandu

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Ihsan HrWana

PENGUNAAN telefon pintar ketika memandu kini semakin membimbangkan dan dilihat menjadi antara punca utama gangguan keselamatan di jalan raya. Walaupun pelbagai peringatan dan kempen kesedaran dilaksanakan, masih ramai pemandu gagal memberi tumpuan penuh ketika memandu serta menunggang motosikal.

Keadaan ini dapat dilihat setiap hari terutama di bandar, lebuh raya dan kawasan persimpangan sibuk apabila ramai pemandu dan penunggang motosikal terlalu bergantung kepada aplikasi peta dalam talian seperti Google Maps dan Waze.

Ada pemandu yang memegang telefon sepanjang perjalanan, melihat skrin berulang kali dan tidak kurang juga sibuk membalas mesej ketika memandu kenderaan. Akibat terlalu fokus kepada telefon, pemandu sering memandu secara teragak-agak, bergerak terlalu perlahan dan menukar lorong secara mengejut tanpa memberi lampu isyarat.

Bahkan lebih membahayakan lagi apabila tidak menghidupkan lampu isyarat langsung ketika membelok. Situasi ini bukan sahaja menyusahkan pengguna jalan raya lain, malah boleh menyebabkan kemalangan. Lebih membimbangkan, ada pemandu gagal memberi perhatian kepada keadaan sekeliling kerana mata dan fikiran tertumpu kepada skrin telefon. Reaksi mereka menjadi lambat terutama ketika membrek, memasuki simpang atau berdepan situasi kecemasan.

Dalam keadaan trafik sesak dan pantas, melewati beberapa saat sahaja sudah cukup untuk mengundang tragedi. Kita sering mendengar laporan kemalangan yang

berpunca daripada kecuaiannya pemandu menggunakan telefon bimbit. Walaupun sesetengah pemandu memberi alasan mereka hanya menggunakan aplikasi navigasi atau mendengar arahan suara, hakikatnya perhatian mereka tetap terganggu.

Teknologi sememangnya memudahkan perjalanan, namun ia tidak seharusnya mengorbankan aspek keselamatan. Aplikasi peta sepatutnya membantu pemandu, bukan menjadi alasan untuk terus memegang telefon atau melihat skrin tanpa henti ketika memandu.

Negara sudah mempunyai undang-undang melarang penggunaan telefon bimbit ketika memandu tetapi kedegilan sesetengah pemandu menyebabkan ramai pengguna jalan raya mengambil mudah perkara ini. Tidak dinafikan kita sering terjumpa atau terlihat ada pemandu menggunakan telefon secara terbuka walaupun ketika trafik bergerak. Justeru, sudah tiba masanya langkah lebih tegas dan berkesan bagi menangani masalah ini. Antaranya meningkatkan kadar denda dan mata demerit kepada pesalah supaya wujud rasa gerun untuk mengulangi kesalahan.

Di negara ini kesalahan lalu lintas menggunakan telefon bimbit semasa memandu di bawah Seksyen 29A (1) Akta Lalu Lintas Jalan Bab 68 (Pindaan 2002) boleh dikenakan denda sebanyak BND600 hingga BND1,000 atau dipenjarakan enam bulan atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua pula, denda sebanyak BND600 hingga BND2,000 atau penjara 12 bulan atau kedua-duanya.

Kempen kesedaran juga perlu dilakukan secara berterusan dan bukan bermusim.

Masyarakat perlu dididik penggunaan telefon pintar ketika memandu bukan sekadar kesalahan trafik biasa, sebaliknya satu bentuk kecuaiannya yang boleh meragut nyawa. Pada masa sama, pihak berkuasa boleh mempertimbangkan penggunaan kamera pengawasan di lokasi panas bagi mengesan pemandu yang menggunakan telefon bimbit ketika sedang memandu. Teknologi sedemikian sudah digunakan di beberapa negara dan terbukti membantu meningkatkan tahap pematuan pengguna jalan raya.

Pemandu bertanggungjawab ialah mereka yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada pemanduan. Dalam dunia semakin bergantung kepada teknologi, disiplin dan kesedaran ketika berada di jalan raya perlu sentiasa menjadi keutamaan.

Untuk membentuk masyarakat yang tidak menggunakan telefon bimbit ketika memandu, pendekatan perlu menyeluruh yang melibatkan pendidikan, penguatkuasaan undang-undang serta perubahan budaya. Antara beberapa strategi yang terbukti berkesan ialah pendidikan. Kesedaran awam tentang bahayanya menggunakan telefon bimbit semasa memandu justeru perlu diberi didikan ketika mula belajar kereta terutamanya para belia yang baru saja berjinak-jinak memandu kereta ketika mendapat Lesen Memandu.

Kempen keselamatan jalan raya. Jalankan kempen berterusan melalui media sosial, televisyen, radio, dan papan iklan yang menekankan bahaya menggunakan telefon ketika memandu. Pemandu perlu diberikan kesedaran tentang bahaya menggunakan telefon bimbit secara berterusan.

Mengadakan program sekolah dengan membuat jerayawara mengenai

kesalahan-kesalahan terutama sekali menggunakan telefon bimbit semasa memandu dan menunjukkan akibat kecuaiannya dapat membuka mata dan minda para remaja untuk lebih berhati-hati jika mereka sudah mempunyai Lesen Memandu atau baru hendak belajar memandu. Didik pelajar sejak awal tentang risiko gangguan perhatian semasa memandu.

Undang-undang serta penguatkuasaan tentang larangan penggunaan telefon. Pastikan undang-undang jelas melarang penggunaan telefon bimbit ketika memandu. Biasakan budaya dan norma sosial dengan menormalisasikan tingkah laku selamat ketika berada di jalan raya. Jadikan tidak menggunakan telefon ketika memandu sebagai norma sosial yang dihormati. Selain itu, galakkan masyarakat untuk menegur rakan atau keluarga yang masih menggunakan telefon semasa memandu. Sebagai pemandu yang berhemah, setentunya pemandu yang melakukan kesalahan ini sedar dan berfikir bahawa tindakan yang dilakukan adalah satu perbuatan bodoh yang mungkin saja melibatkan nyawa orang lain.

Kesimpulan

Jelasnya penggunaan telefon bimbit ketika memandu adalah sangat berbahaya dan menyalahi undang-undang. Tabiat ini melumpuhkan fokus visual, kognitif dan fizikal pemandu, sekali gus memperlahankan masa tindak balas dan meningkatkan risiko kemalangan maut yang menyamai bahaya memandu dalam keadaan mabuk. Ingatlah orang tersayang yang sentiasa mengharapkan keselamatan awda di mana saja awda berada.

2 SYARIKAT DIKESAN LANGGAR AKTA PEKERJAAN



PARA majikan diingatkan agar sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 (kiri dan kanan).



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BELAIT, Khamis, 2 Julai. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait telah menjalankan Operasi Usai 158/2026 dan 159/2026 di Kawasan Jalan Kampung Lumut, Mukim Sungai Liang pada 27 Jun 2026 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Jabatan Buruh melalui pemeriksaan pertama yang dijalankan ke atas sebuah syarikat telah mendapati sebanyak tiga kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap pekerja-pekerja.

Kesalahan-kesalahan tersebut

adalah seperti berikut: Bab 63, Gagal memberikan cuti rehat; Bab 65, Melebihi jam bekerja yang telah ditetapkan; dan Bab 82, Gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas.

Manakala melalui pemeriksaan kedua yang dijalankan ke atas sebuah syarikat telah mendapati sebanyak tiga kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap pekerja-pekerja.

Kesalahan-kesalahan tersebut adalah seperti berikut: Bab 63, Gagal memberikan cuti rehat; Bab 65, Melebihi jam bekerja yang telah ditetapkan; dan Bab 112 (2), Kesalahan melanggar syarat-syarat lesen pengambilan pekerja asing, yang mana seorang pekerja asing berjawatan pelayan,

membuat pekerjaan memasak.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah. Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti pembayaran gaji tepat pada waktunya, memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang telah diwartakan, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan dan memberikan hak cuti tahunan kepada pekerja serta membiayai tiket balik pekerja yang sudah tamat kontrak pekhidmatan.

Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

Operasi Usai dapati 2 kesalahan di bawah Akta Pekerjaan



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait semasa melaksanakan Operasi Usai 153/2026 pada 22 Jun 2026 (kiri dan bawah kanan).

kompaun tidak melebihi BND1,000 bagi setiap kesalahan. Kegagalan menjelaskan denda kompaun tersebut boleh menyebabkan majikan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh mengingatkan semua majikan agar sentiasa mematuhi kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 dengan memastikan kebajikan pekerja sentiasa terpelihara. Antaranya termasuk membayar gaji tepat pada waktunya, memberikan cuti pada hari-hari kelepasan awam yang telah diwartakan, menyediakan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan, memberikan hak cuti tahunan kepada pekerja serta membiayai tiket balik pekerja yang telah tamat kontrak perkhidmatan.

Orang ramai yang memerlukan maklumat lanjut boleh menghubungi Jabatan Buruh melalui talian +673 2381848 pada waktu bekerja atau +673 7298989 di luar waktu bekerja.

KUALA BELAIT, Khamis, 2 Julai. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait telah menjalankan Operasi Usai 153/2026 di kawasan Jalan Kerma Negara, Kuala Belait pada 22 Jun 2026 bagi menguatkuasakan pematuhan terhadap Akta Pekerjaan, Penggal 278 oleh para majikan.

Hasil pemeriksaan ke atas sebuah syarikat mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278

dipercayai telah dilakukan oleh majikan terhadap pekerja-pekerjanya.

Kesalahan yang dikesan ialah gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas di bawah Bab 82 Akta Pekerjaan serta melanggar syarat lesen pengambilan pekerja asing di bawah Bab 112(2), iaitu tidak mengisytiharkan alamat tempat kegiatan.

Jabatan Buruh memaklumkan bahawa siasatan lanjut sedang dijalankan. Jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda



2 individu didenda, miliki barang tegahan tanpa kebenaran

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid


TEMBURONG, Khamis, 2 Julai. - Mahkamah Majistret Temburong menjatuhkan hukuman denda berjumlah BND10,000 atau penjara selama 10 bulan dan denda BND5,000 atau penjara selama lima bulan jika gagal membayar keseluruhan denda tersebut, setiap seorang terhadap dua lelaki warganegara Republik Rakyat China.

Majistret, Syaffina binti Shahif menjatuhkan hukuman denda terhadap defendan pertama, Ding Yanzhong, 38 tahun kerana memiliki 192 tin minuman keras dan 14 batang rokok. Manakala defendan kedua, Zheng Chaohui, 29 tahun, didapati memiliki 192 tin minuman keras pelbagai jenis tanpa kebenaran.

Kedua-dua defendan ditahan oleh Pegawai-pegawai Pemeriksa Kastam di Pos Kawalan Temburong, Bahagian ketibaan pada 17 Mei 2026, kira-kira jam 10.10 malam.

Kedua-dua defendan didakwa mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 kerana pemilikan tanpa kebenaran barang.

Kesemua barang yang terlibat iaitu minuman keras pelbagai jenis dan rokok dihukum rampas untuk diserahkan kepada kerajaan bagi tujuan pelupusan.





KEBAKARAN MUSNAHKAN LEBIH 700 HEKTAR HUTAN DI SELATAN REPUBLIK PERANCIS

PARIS, 2 Julai. - Kebakaran memusnahkan lebih 700 hektar kawasan hutan di selatan Republik Perancis, memaksa pemindahan penduduk serta mencetuskan operasi kecemasan berskala besar, menurut pihak berkuasa pada Rabu, lapor Anadolu Ajansi. Kebakaran terbesar bermula di bandar Beaufort di wilayah Hérault, di pesisir Mediterranean, sebelum merebak ke wilayah Aude.

Pihak berkuasa memaklumkan kira-kira 700 hektar kawasan hutan telah terbakar.

Angin kencang serta cuaca buruk menyebabkan api merebak

ke bahagian timur laut Aude, sekali gus memaksa pihak berkuasa memindahkan sebahagian penduduk dari kampung Pouzols-Minervois dan Mailhac.

Penduduk lain pula diarahkan supaya kekal berada di kediaman masing-masing sementara anggota bomba berusaha mengawal kebakaran.

Lebih 280 anggota bomba, kira-kira 30 anggota "gendarmérie" Perancis, 11 pasukan khas pemadam kebakaran hutan, enam pesawat serta sebuah helikopter dikerahkan bagi memadamkan kebakaran.

Beberapa jalan di kawasan terjejas ditutup sebahagian, manakala penduduk dinasihatkan supaya mematuhi arahan

perkhidmatan kecemasan.

Sementara itu, satu lagi kebakaran hutan tercetus pada Selasa di bandar Frejus, di wilayah Var.

Pihak berkuasa berkata angin kencang turut memburukkan keadaan, yang telah memusnahkan kira-kira 30 hektar kawasan.

Hampir 200 anggota bomba dengan sokongan 73 kenderaan kecemasan, tiga pesawat pemadam kebakaran dan tiga helikopter dikerahkan ke lokasi.

Sebagai langkah berjaga-jaga, tiga tapak perkhemahan dipindahkan, manakala sebahagian penduduk ditempatkan sementara di dua buah sekolah. Sebahagian Jalan

D37 turut ditutup.

Sebanyak 23 kebakaran sedang berlaku di selatan Republik

Perancis, menurut platform pemantauan kebakaran hutan "Feux de Forêt". - ©BERNAMA

Angka korban gempa bumi di Venezuela meningkat kepada 2,295

BOGOTA (Colombia), 2 Julai. - Angka kematian akibat dua gempa bumi yang melanda utara Venezuela pada 24 Jun meningkat kepada 2,295 orang, menurut Ketua Perhimpunan Kebangsaan, Jorge Rodriguez pada Rabu, lapor Anadolu Ajansi.

Dalam taklimat nasional yang disiarkan menerusi saluran televisyen kerajaan, Venezuelana de Television (VTV), Rodriguez berkata jumlah mangsa yang cedera meningkat kepada 11,267 orang, manakala seramai 12,841 penduduk dilaporkan terpaksa berpindah.

Beliau berkata lebih 4,000 anggota pasukan kecemasan yang dikerahkan ke kawasan terjejas berjaya mengeluarkan 6,461 mangsa yang terperangkap di bawah runtuh bangunan.

"Harapan masih ada," katanya.

Menurut pihak berkuasa tempatan, sebanyak 782 gegaran susulan direkodkan sejak dua gempa bumi berukuran 7.2 dan 7.5 pada skala Richter melanda kawasan itu.

Bagaimanapun, pakar seismologi mengesahkan kekerapan serta intensiti gegaran bawah tanah berkenaan semakin berkurangan sejak 48 jam lalu.

"Ancaman itu dilihat semakin berkurangan, namun belum berakhir," kata Rodriguez sambil menggesa orang ramai supaya terus berwaspada di sekitar bangunan konkrit yang mengalami kerosakan.

Berdasarkan penilaian awal data satelit yang diterbitkan oleh Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA), lebih 58,000 bangunan berkemungkinan rosak atau musnah akibat gempa bumi itu.

Operasi mencari dan menyelamatkan diteruskan secara intensif, dengan ribuan anggota penyelamat dari lebih 30 negara mengeluarkan mangsa yang terselamat daripada runtuhan pada Rabu.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memaklumkan pihaknya sedang memperoleh 10,000 beg mayat bagi menyokong operasi pengurusan mangsa. - ©BERNAMA

AS tarik balik sekatan eksport ke atas model AI Anthropic

SAN JOSE (California), 1 Jul. - Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat (AS) menarik balik sekatan eksport ke atas model Kecerdasan Buatan (AI) terbaharu keluaran syarikat teknologi Anthropic selepas lebih dua minggu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Anthropic memaklumkan akses kepada model Mythos 5 dan Fable 5 akan dipulihkan mulai Rabu.

Sebelum ini, kerajaan AS mengarahkan syarikat itu menggantung akses kepada kedua-dua model AI berkenaan untuk semua warga asing, termasuk kakitangannya sendiri yang bukan warganegara AS.

Bagi mematuhi arahan itu, Anthropic bertindak menyekat sepenuhnya akses kepada kedua-dua model berkenaan.

Teknologi AI di sebalik Mythos 5 mempunyai keupayaan untuk mengesan kelemahan keselamatan dalam perisian, termasuk kelemahan yang mungkin tidak disedari selama beberapa dekad.

Pihak berkuasa AS dan beberapa syarikat terpilih sebelum ini menggunakan teknologi itu untuk mengenal pasti serta menutup kelemahan keselamatan berkenaan.

Namun, sejak awal timbul kebimbangan bahawa teknologi AI sedemikian boleh disalahgunakan sebagai senjata siber jika jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab.

Fable 5, yang diperkenalkan pada pertengahan Jun, dibangunkan berasaskan teknologi Mythos, namun keupayaan berkaitan keselamatan siber dan bioteknologinya telah dinyahaktifkan.

Mythos 5 pula ialah versi penuh yang tidak didedahkan kepada umum dan hanya disediakan untuk pihak berkuasa serta syarikat terpilih yang ingin mengenal pasti kelemahan dalam sistem masing-masing.

Sekatan itu turut mencetuskan kebimbangan di Eropah.

Susulan tindakan terhadap Anthropic, pembangun ChatGPT, OpenAI turut mengehadkan akses kepada model AI terbaharunya hanya kepada rakan kerjasama yang diluluskan dengan penyelarasan kerajaan AS.

Tindakan kerajaan itu dibuat selepas timbul amaran bahawa mekanisme perlindungan yang direka untuk menghalang Fable 5 daripada digunakan bagi mengesan kelemahan perisian boleh dipintas.

Anthropic bagaimanapun menafikan dakwaan bahawa model itu menimbulkan sebarang risiko.

Kerajaan AS dan Anthropic mengadakan rundingan yang sukar sejak beberapa minggu lalu.

Dalam sepucuk surat yang diterbitkan media AS bagi mengumumkan penarikan balik sekatan itu, Setiausaha Perdagangan Howard Lutnick berkata Anthropic bersetuju mengambil langkah proaktif untuk mengenal pasti serta menangani risiko keselamatan yang mungkin timbul daripada model AI keluarannya. - ©BERNAMA

Guterres gesa dana segera untuk UNRWA

NEW YORK, 1 Jul. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres menggesa negara-negara anggota menampung kekurangan tunai sebanyak US\$100 juta yang dihadapi Agensi Bantuan dan Kerja PBB bagi Pelarian Palestin di Asia Barat (UNRWA), lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Beliau berkata walaupun pelaksanaan langkah penjimatan dan kawalan kos yang menyakitkan, defisit itu menghalang agensi berkenaan daripada memenuhi komitmen semasanya.

"Mereka tidak boleh terus beroperasi seperti ini tanpa sokongan segera dan bantuan kewangan daripada negara anggota," katanya pada persidangan penderma UNRWA

di New York pada Selasa.

PBB menubuhkan UNRWA pada 1949 bagi membantu kira-kira 700,000 pelarian Palestin.

Rakyat Palestin yang melarikan diri atau kehilangan tempat tinggal semasa perang pada 1948 dan 1967, termasuk keturunan mereka, layak menerima perkhidmatan agensi itu.

Menurut UNRWA, kira-kira 5.9 juta orang kini berada di bawah mandatnya dan jumlah itu terus meningkat.

Agensi itu turut beroperasi di Jordan dan Lubnan, selain beberapa lokasi lain.

Guterres berkata keadaan agensi itu semakin genting.

"Saya amat terkilan dengan usaha berterusan untuk meminggirkan dan melemahkan UNRWA melalui penyebaran maklumat palsu, kempen

memburukkan imej, tindakan perundangan, sekatan operasi, halangan diplomatik dan banyak lagi," katanya.

Beliau berkata tindakan sedemikian mengancam kesejahteraan jutaan rakyat Palestin.

UNRWA memaklumkan bahawa agensi itu menerima ikrar sumbangan berjumlah kira-kira US\$887 juta dan sumbangan sebenar sebanyak US\$829 juta pada 2025, namun jumlah itu hanya menampung 27 peratus daripada keseluruhan keperluan pendanaannya sebanyak US\$3.3 bilion.

Amerika Syarikat (AS), yang sebelum ini merupakan penyumbang kewangan utama kepada agensi itu, menghentikan bantuan kewangannya pada awal 2025. - ©BERNAMA

Seorang maut, seorang cedera dalam kebakaran hutan di utara Greece

ATHENS, 1 Julai. - Seorang lelaki maut manakala seorang wanita cedera dalam kebakaran hutan berhampiran bandar Thessaloniki di utara Greece pada Selasa, menurut Perkhidmatan Bomba Greece, lapor Xinhua. Mayat lelaki itu ditemukan anggota bomba di kawasan hutan Derveni yang terbakar, kira-kira 10 kilometer di utara Thessaloniki.

Seorang wanita yang mengalami kecederaan akibat melecur pula berjaya diselamatkan dan

dikejarkan ke hospital. Lebih 100 anggota bomba dengan bantuan pesawat dan helikopter bertungkus-lumus memadamkan kebakaran yang tercetus sekitar tengah hari Selasa.

Angin kencang menjejaskan operasi memadam kebakaran dan menyebabkan api merebak ke arah perkampungan berhampiran, Liti. Pihak berkuasa tempatan turut mengeluarkan amaran kecemasan yang menggesa penduduk berpindah segera.

Greece kerap dilanda kebakaran hutan pada setiap musim panas akibat gelombang haba, kemarau berpanjangan dan angin kencang. Pihak berkuasa turut mengaitkan beberapa kejadian kebakaran hutan dengan perbuatan khianat.

Menurut Perkhidmatan Bomba Greece, sebanyak 48 kebakaran hutan dilaporkan berlaku di seluruh negara dalam tempoh 24 jam sehingga 6 petang Selasa (1500 GMT). - ©BERNAMA

Kebakaran hutan terus marak di barat BiH ketika amaran gelombang haba dikeluarkan

SARAJEVO, 1 Julai. - Kebakaran hutan berskala besar terus marak di bahagian barat Bosnia dan Herzegovina (BiH) pada Selasa ketika amaran gelombang haba dikeluarkan di seluruh negara, dengan suhu mencecah sehingga 41 darjah Celsius di kawasan selatan, lapor Xinhua.

Menurut pihak berkuasa tempatan, kebakaran di kawasan pergunungan dalam Perbandaran Posusje berlarutan selama beberapa hari dan memusnahkan lebih 40 hektar kawasan hutan yang sebahagian besarnya ditumbuhi pokok pain.

Kebakaran terus merebak di kawasan berbukit yang dipenuhi hutan pain, rumput dan tumbuhan renek, sekali gus menyukarkan operasi pemadaman serta meningkatkan risiko api merebak ke kawasan yang lebih luas.

Anggota bomba dari Posusje, dengan bantuan pasukan pertahanan awam, anggota penyelamat gunung dan petugas perhutanan, terus bertungkus-lumus mengawal kebakaran.

Dua pesawat pemadam kebakaran jenis Air Tractor yang

dikendalikan kontraktor awam turut digerakkan, manakala sebuah helikopter tentera menyertai operasi berkenaan. Sementara itu, Institut Hidrometeorologi Persekutuan mengeluarkan amaran merah bagi beberapa kawasan di negara itu dan amaran oren gelombang haba di seluruh Bosnia dan Herzegovina pada Selasa.

Institut itu turut memberi amaran bahawa suhu tinggi, cuaca kering dan tiupan angin kencang boleh meningkatkan risiko berlakunya kebakaran hutan. - ©BERNAMA

REPUBLIK RAKYAT CHINA, DENMARK KOMITED PERKUKUH PERKONGSIAN STRATEGIK KOMPREHENSIF



COPENHAGEN, 3 Julai. – Republik Rakyat China bersedia mempergiat kerjasama perdagangan dan pelaburan dengan Denmark, memulakan rundingan mengenai versi baharu Pelan Kerja Bersama Hijau serta memperluas kerjasama dalam bidang pendidikan, kebudayaan, pelancongan, belia dan sukan. Menteri Luar Republik Rakyat China Wang Yi berkata usaha itu akan menyumbang kepada peningkatan persefahaman dan

persahabatan antara rakyat kedua-dua negara, selain memperkukuh perkongsian strategik komprehensif China-Denmark. Beliau berkata demikian ketika mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatnya dari Denmark, Lars Lokke Rasmussen di sini pada Khamis. Wang berkata hubungan China-Denmark terus berkembang secara sihat dan mampan. Menurutnya, Republik Rakyat

China merupakan rakan dagangan terbesar Denmark di Asia, manakala kerjasama ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara mencatat hasil yang amat menggalakkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam pertemuan itu, Wang turut menyuarakan komitmen Republik Rakyat China untuk memperkasakan kerjasama dengan Denmark dalam penyelidikan sains dan inovasi, pengangkutan perkapalan hijau

serta kesihatan dan perubatan. Beliau berkata Republik Rakyat China dan Eropah ialah rakan, bukan lawan, justeru kerjasama perlu menjadi asas serta hala tuju perkembangan hubungan China-Eropah. Wang turut berharap Denmark dapat memainkan peranan membina dalam menggalakkan perkembangan hubungan Eropah-China secara sihat dan stabil. Sementara itu, Rasmussen berkata sebagai rakan strategik komprehensif, Republik Rakyat China dan Denmark mempunyai kepentingan bersama yang luas. Syarikat - syarikat Denmark mempunyai keyakinan tinggi terhadap prospek pembangunan

Republik Rakyat China dan bersedia untuk terus meneroka pasaran negara itu dalam jangka panjang, katanya. Rasmussen turut menyatakan hasrat Denmark untuk memperkukuh komunikasi dan penyelarasan dengan Republik Rakyat China menerusi platform seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), bagi mempertahankan multilateralisme dan mengekalkan perdagangan bebas dalam usaha menangani pelbagai cabaran global. - ©BERNAMA

Kira-kira 100,000 kanak-kanak Lubnan berisiko tercicir sesi persekolahan baharu - UNICEF

BEIRUT, 3 Julai. - Kira-kira 100,000 kanak-kanak Lubnan berisiko tidak dapat memulakan sesi persekolahan baharu sekiranya sekolah yang rosak akibat perang tidak dibaiki menjelang September, menurut Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) pada Khamis. Amaran itu dikeluarkan susulan tinjauan di seluruh negara oleh UNICEF dan Kementerian Pendidikan dan

Pengajian Tinggi Lubnan, yang mendapati sektor pendidikan negara mengalami kerosakan meluas akibat konflik terbaharu di Asia Barat. Penilaian itu mengenal pasti 340 institusi pendidikan terjejas termasuk sekolah dan pusat vokasional, dengan 17 daripadanya musnah manakala banyak lagi memerlukan kerja pembaikan besar sebelum dapat dibuka semula dengan selamat. UNICEF turut memberi amaran

bahawa ketiadaan kanak-kanak di sekolah untuk tempoh yang lama boleh meningkatkan risiko seperti buruh kanak-kanak dan perkahwinan awal. Agensi itu memaklumkan bahawa pihaknya sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk membaiki pulih sekolah yang rosak dan memastikan pembelajaran dapat diteruskan, selain menyeru pembiayaan tambahan. - ©BERNAMA

Washington enggan lanjut Perjanjian AS-Mexico-Kanada, cetus ketidaktentuan perdagangan

WASHINGTON, 3 Julai. - Pentadbiran Trump enggan melanjutkan Perjanjian Amerika Syarikat-Mexico-Kanada (USMCA) selepas mesyuarat dalam talian pada Rabu, dengan alasan ketidakseimbangan perdagangan dan kelemahan kawal selia, sekali gus mencetuskan ketidaktentuan terhadap masa depan perdagangan bernilai US\$2 trilion di Amerika Utara. Perjanjian itu berkuat kuasa pada 2020 semasa penggal pertama Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump selepas beliau menyifatkan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) sebelum ini sebagai perjanjian perdagangan terburuk dan mendesak perjanjian baharu dimeterai, merangkumi semakin dalam bidang buruh, digital dan harta intelek, lapor Anadolu Ajansi. Wakil Perdagangan AS Jamieson Greer, Menteri Ekonomi Mexico Marcelo Ebrard dan Menteri Perdagangan Kanada Dominic LeBlanc mengadakan mesyuarat dalam talian pada hari terakhir proses bersama itu. Greer berkata AS tidak akan bersetuju untuk melanjutkan perjanjian berkenaan dalam bentuk sedia ada. AS merekodkan gabungan defisit perdagangan sebanyak US\$217.5 bilion dengan negara jirannya pada 2025, termasuk defisit US\$190 bilion dengan Mexico sahaja. USMCA tidak ditamatkan serta-merta, namun keputusan Washington itu memulakan proses semakin tahunan, sekali gus memaksa beberapa bahagian penting perjanjian berkenaan dirundingkan semula. Perjanjian itu akan kekal berkuat kuasa untuk tempoh sedekad lagi sebelum tamat pada 1 Julai 2036,

sekiranya tiada semakan dipersetujui. Greer dalam kenyataan terbaharu berkata pentadbiran itu bersedia untuk berunding dan mengadakan pusingan ketiga rundingan dua hala dengan Mexico pada minggu 20 Julai. Perjanjian berkenaan mewakili pasaran bersama lebih 515 juta penduduk, menyumbang kira-kira 30 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) global. Di bawah perjanjian itu, ketiga-tiga negara anggota dikehendaki mengemukakan notis dalam proses berkenaan sama ada mereka mahu melanjutkannya untuk tempoh 16 tahun lagi. Jumlah eksport AS ke Kanada dan Mexico mencecah US\$817 bilion tahun lepas, manakala import dari kedua-dua negara itu berjumlah US\$1.034 trilion. Jumlah dagangan luar AS dengan Kanada dan Mexico pula ialah US\$1.8 trilion. AS menuntut peraturan asal barangan yang lebih ketat dan mahu menaikkan syarat kandungan domestik bagi pengeluaran automotif daripada 75 peratus kepada 82 peratus. Washington juga menegaskan bahawa 50 peratus daripada semua kandungan automotif mesti diperolehi dari AS untuk layak mendapat manfaat tarif. Menurut pakar, keputusan AS itu dipercayai bertujuan melindungi pekerjaan pembuatan domestik dan menghalang barangan China daripada menggunakan Mexico sebagai laluan belakang ke pasaran Amerika. Rundingan masih kekal buntu berhubung sektor tenusu Kanada yang bersifat melindungi pasaran domestik, dasar tenaga Mexico serta tarif tinggi AS ke atas keluli dan aluminium. Mexico mahu perjanjian itu

dilanjutkan selama 16 tahun, dengan pegawainya giat menyediakan pelan luar jangka sekiranya rundingan gagal. Negara itu berhasrat mengekalkan akses bebas cukai sambil merundingkan penambahbaikan terhadap sistem tarif automotif. Perdana Menteri Kanada Mark Carney pula mengambil pendekatan lebih berhati-hati. Walaupun Kanada sudah menawarkan beberapa konsesi, termasuk memansuhkan cukai perkhidmatan digital, Carney menegaskan beliau tidak akan menandatangani perjanjian yang merugikan negaranya. Pentadbiran Trump terus menggunakan ancaman tarif menyeluruh sebagai tekanan sehingga pengeluaran industri dipindahkan semula ke AS. Namun kumpulan pelobi, termasuk Dewan Perniagaan AS, menggesa Kongres mengekalkan struktur tiga hala perjanjian itu, sambil memberi amaran bahawa ia menyokong 13 juta pekerjaan di AS dan pembubarannya akan menjejaskan daya saing syarikat Amerika. Pemimpin korporat memberi amaran bahawa proses semakin tahunan baharu yang terbuka tanpa ketetapan muktamad boleh membekukan pelaburan modal berbilion-bilion dolar kerana rantaian bekalan industri mengambil masa beberapa dekad untuk dibangunkan. Di sebalik amaran itu, keengganan Washington untuk melanjutkan perjanjian berkenaan menandakan peralihan asas ke arah dasar perlindungan perdagangan, sekali gus mengancam untuk menjejaskan struktur ekonomi bersepadu di benua itu. - ©BERNAMA

Peru isytihar darurat di 796 daerah susulan hujan dikaitkan dengan El Nino

LIMA, 3 Julai. - Kerajaan Peru mengisytiharkan darurat di 796 daerah merentasi 22 wilayah dan Wilayah Perlembagaan Callao, susulan hujan lebat yang dikaitkan dengan fenomena El Nino, menurut Pejabat Presiden pada Khamis, lapor Xinhua. Langkah darurat itu akan dikuat kuasa selama 60 hari, membolehkan tindakan "segera dan perlu" dilaksanakan bagi mengurangkan risiko sedia ada serta menyokong usaha tindak balas dan pemulihan. Menurut laporan Institut Pertahanan Awam Kebangsaan, kehadiran berterusan El Nino pesisir pantai dan perkembangannya di Pasifik khatulistiwa tengah menjelang musim hujan akan datang memerlukan langkah segera daripada kerajaan. Pentadbiran Peru memberi amaran bahawa keupayaan tindak balas beberapa kerajaan wilayah telah terbeban, sekali gus menjadikan campur tangan teknikal dan operasi oleh agensi utama kerajaan pusat amat diperlukan. - ©BERNAMA

Gempa bumi 6.3 skala Richter landa Halmahera, Indonesia

HONG KONG, 3 Julai. - Gempa bumi berukuran 6.3 skala Richter melanda Halmahera, Indonesia pada 02:31:30 GMT Jumaat, menurut Pusat Penyelidikan Geosains Jerman GFZ, lapor Xinhua. Pusat gempa yang terletak pada kedalaman 126.8 kilometer itu dikesan pada 1.81 darjah utara dan 127.49 darjah timur. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 6 maut dalam letupan bom di kafe Damsyik

DAMSYIK, 3 Julai. - Sebuah alat letupan buatan sendiri meletup di dalam sebuah kafe di Damsyik pada Khamis, mengorbankan sekurang-kurangnya enam orang dan mencederakan 22 yang lain, menurut pihak berkuasa Syria, lapor Agensi Berita Jerman (dpa). Seorang pegawai perubatan di Hospital Direktorat Kesihatan Damsyik berkata angka korban meningkat dan tiga daripada mangsa cedera berada dalam keadaan kritikal, namun maklumat itu belum disahkan oleh pegawai kerajaan. Kementerian Kesihatan Syria dalam satu kenyataan berkata letupan itu berlaku di dalam sebuah kafe di kawasan Al-Hijaz, Damsyik. Satu video yang tular di media sosial menunjukkan beberapa orang di dalam kafe berkenaan cedera dan berlumuran darah. Gabenor Damsyik Maher Marwan berkata pasukan keselamatan sedang menganalisis rakaman kamera pengawasan di kawasan itu sebagai sebahagian daripada siasatan. Beliau turut berkata semua mangsa ialah orang awam, termasuk empat peguam yang berada di dalam kafe terbabit. Gabenor itu berkata letupan berkenaan berlaku berhampiran Istana Kehakiman, lokasi perbicaraan membabitkan individu yang dituduh melakukan pembunuhan di bawah bekas rejim Presiden Syria Bashar al-Assad sedang berlangsung. Rejim al-Assad digulingkan pada 2024. - ©BERNAMA



PORTUGAL CATAT KEMENANGAN DRAMATIK KE ATAS CROATIA, MARA KE PUSINGAN 16 PIALA DUNIA

TORONTO, 3 Julai. - Gonçalo Ramos menjaringkan gol pada masa kecederaan untuk membantu Portugal mencatat kemenangan dramatik 2-1 ke atas Croatia pada Khamis, sekali gus mengesahkan tempat ke pusingan 16 Piala Dunia, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Portugal akan menentang juara Eropah, Sepanyol, yang terlebih dahulu mara selepas menewaskan Austria 3-0. Croatia membuka jaringan pada minit ke-53 menerusi pemain veteran Ivan Perisic, yang merembat masuk gol pertama perlawanan.

Bagaimanapun, Cristiano Ronaldo

menyempurnakan sepakan penalti pada minit ke-68 untuk menjaringkan gol pertamanya dalam perlawanan kalah mati Piala Dunia, sekali gus menyamakan kedudukan buat Portugal.

Pada usia 41 tahun, Ronaldo turut menjadi pemain tertua menjaringkan gol dalam pusingan kalah mati Piala Dunia. Croatia menyaksikan dua gol mereka dibatalkan pada babak kedua, masing-masing menerusi Nikola Vlasic pada minit ke-56 dan Petar Susic pada minit ke-80.

Ronaldo juga mempunyai satu jaringan yang dibatalkan tidak lama sebelum beliau menyempurnakan sepakan

penalti. Perlawanan kelihatan bakal berlanjutan ke masa tambahan, namun Ramos muncul wira Portugal.

Rafael Leão melakukan hantaran ke dalam kotak penalti, sebelum Ramos menanduk kencang bola itu pada minit keempat masa kecederaan. Drama terus

berlaku apabila Croatia berjaya membolosi gawang Portugal pada minit ke-12 masa kecederaan.

Namun, ia sekali lagi berakhir dengan kekecewaan buat Luka Modric dan rakan sepasukannya apabila jaringan itu turut dibatalkan kerana ofsaid. - ©BERNAMA

Jurulatih Sepanyol mahu lebih peningkatan selepas kemenangan dengan Austria

LOS ANGELES, 3 Julai. - Ketua jurulatih Luis de la Fuente menyifatkan kemenangan 3-0 Sepanyol ke atas Austria pada Khamis sebagai hampir sempurna namun memberi amaran cabaran lebih sukar menanti ketika La Roja memburu gelaran Piala Dunia kedua, lapor Xinhua.

Mikel Oyarzabal menjaringkan dua gol selain gol antarabangsa pertama Pedro Porro untuk Sepanyol mara ke pusingan 16 di Stadium Los Angeles.

"Pasukan besar muncul apabila kehadiran mereka diperlukan," kata De la Fuente. "Saya rasa hari ini kami telah menyaksikan perlawanan yang hebat. Saya gembira kerana dalam semua aspek kami hampir sempurna, tetapi kami perlu terus

meningkat. Setiap perlawanan sekarang akan menjadi sangat sukar."

Sepanyol akan bertemu pemenang perlawanan antara Portugal dan Croatia untuk tempat ke suku akhir.

Meskipun memuji prestasi pasukannya menentang Austria, De la Fuente berkata masih ada ruang untuk penambahbaikan.

"Dalam pusingan 16 terakhir, lawan kini lebih mencabar. Anda sentiasa boleh menambah baik dan selain itu, itulah yang dituntut oleh pasukan ini. Para pemain ini sentiasa mahukan lebih lagi. [Oyarzabal] menunjukkan potensi bola sepak yang dia miliki, dan rakan sepasukannya yang lain juga sama. Mereka bermain perlawanan yang luar biasa." - ©BERNAMA

AS tumpaskan Bosnia dan Herzegovina 2 - 0, mara ke pusingan 16 Piala Dunia

WASHINGTON, 2 Julai. - Amerika Syarikat (AS) mengesahkan tempat ke pusingan 16 Piala Dunia FIFA 2026 selepas menewaskan Bosnia dan Herzegovina 2-0 pada Rabu, lapor Anadolu Ajansi.

Folarin Balogun meletakkan AS di hadapan menerusi gol ketiganya pada kejohanan itu sebelum perlawanannya berubah secara dramatik.

Balogun kemudiannya dilayangkan kad merah selepas melakukan kekasaran terhadap seorang pemain pertahanan Bosnia, sekali gus menyebabkan dia

digantung daripada aksi pusingan 16 menentang Belgium di Seattle pada 6 Julai.

Meskipun beraksi dengan 10 pemain, AS menggandakan kelebihan menerusi sepakan percuma yang disempurnakan Malik Tillman.

AS mara ke pusingan kalah mati selepas mengharungi kempen peringkat kumpulan dengan memenangi dua perlawanan pertama sebelum tewas 3 - 2 kepada Republik Turkiye dalam aksi terakhir kumpulan. - ©BERNAMA

Republik Persekutuan Jerman pertimbang masa depan Nagelsmann selepas tersingkir awal di Piala Dunia

BERLIN, 1 Jul. - Presiden Persatuan Bola Sepak Jerman (DFB) Bernd Neuendorf masih belum memutuskan masa depan Julian Nagelsmann sebagai ketua jurulatih skuad kebangsaan ketika badan induk itu memulakan penilaian terhadap penyingkiran awal Republik Persekutuan Jerman daripada Piala Dunia FIFA selepas tewas kepada Paraguay, menurut DFB pada Selasa, lapor Xinhua.

Neuendorf berkata beliau mengadakan perbincangan panjang dengan Nagelsmann serta barisan kepimpinan sukan yang diketuai Andreas Rettig dan Rudi Voller susulan "kekalahan yang amat mengecewakan" dan penyingkiran pasukan itu daripada kejohanan berkenaan.

"Kami bersetuju bahawa prestasi di Piala Dunia ini tidak memenuhi standard kami," kata Neuendorf sambil menambah DFB akan mengambil masa beberapa hari akan datang untuk meneliti punca pasukan itu gagal mempamerkan potensi sebenar dan tidak memenuhi jangkaan.

"Kami tidak boleh dan tidak mahu meneruskan seperti biasa selepas kegagalan seperti ini ketika menghadapi tugas yang bakal menanti," katanya.

Juara Piala Dunia empat kali, Republik

Persekutuan Jerman, tewas 4 - 3 kepada Paraguay menerusi penentuan sepakan penalti selepas kedua-dua pasukan terikat 1 - 1 dalam pusingan 32 Piala Dunia.

Nagelsmann, yang masih mempunyai kontrak sehingga kejohanan bola sepak Eropah 2028 (Euro 2028), berkata selepas perlawanan itu bahawa beliau bersedia untuk mengadakan perbincangan, namun memahami tekanan yang datang bersama tugas itu.

"Saya sememangnya bukan seorang yang akan melarikan diri, tetapi sudah tentu saya tahu bagaimana bola sepak berfungsi."

"Saya mempunyai kontrak dan bersedia berkhidmat, tetapi pada akhirnya saya tahu bagaimana dunia bola sepak berfungsi," katanya.

Nagelsmann mengambil alih tugas daripada Hansi Flick pada September 2023.

Kekalahan pada Isnin itu menyaksikan Republik Persekutuan Jerman tersingkir lebih awal daripada Piala Dunia buat kali ketiga berturut-turut.

Bekas pengurus Liverpool, Jurgen Klopp, disebut-sebut sebagai calon utama sekiranya DFB memutuskan untuk mencari pengganti Nagelsmann. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

TAMAN Negara Ulu Temburong merupakan permata mahkota landskap hijau Negara Brunei Darussalam. Terletak di bahagian paling timur Brunei di Daerah Temburong, kawasan seluas 50,000 hektar hutan hujan yang tidak terusik ini meliputi sebahagian besar daerah selatan, dan dianggap sebagai salah satu ekosistem paling pelbagai di dunia. Menjadi habitat kepada pelbagai jenis hutan tanah rendah dan hutan pergunungan yang menempatkan banyak spesies unik.

SUMBER : <https://www.bruneitourism.com/>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

IMAN, AMAL SOLEH JALAN MENUJU KEREDAAAN, SYURGA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA